

PELAKSANAAN SISTEM KAWALAN GELAGAT  
DI INSTITUSI-INSTITUSI PENDIDIKAN  
DI ALOR SETAR

Tesis **diserahkan** kepada **Sekolah Siswazah**  
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan  
**Izajah Sarjana Sains** (Pengurusan)  
Universiti Utara Malaysia

oleh

**Noor Hayati binti Abdullah**



**Sekolah Siswazah  
(Graduate School)  
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK  
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(I, the undersigned, certify that)

**NOOR HAYATI ABDULLAH**

calon untuk Ijazah \_\_\_\_\_ Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB  
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
(has presented his/her project paper of the following title)


**PELAKSANAAN SISTEM KAWALAN GELGAT DI INSTITUSI-INSTITUSI  
PENDIDIKAN DI ALOR SETAR**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek  
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,  
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.  
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory  
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia \_\_\_\_\_ PROF. MADYA SHAFEE SAAD  
(Name of Supervisor):

Tandatangan  
(Signature)

: 

Tarikh  
(Date)

: 29/08/2000

## **KEBENARAN MENGGUNA**

Dalam menyerahkan tesis ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian lepas ijazah Univerisiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju supaya pihak Perpustakaan UUM mengedarkan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya, atau semasa ketiadaan beliau kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah.

Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain kegunaan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan  
Sekolah Siswazah  
Universiti Utara Malaysia  
06100 Sintok, Jitra  
Kedah Darul Aman

**PELAKSANAAN SISTEM KAWALAN GELAGAT DI  
INSTITUSI-INSTITUSI PENDIDIKAN DI ALOR SETAR**

**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pasti langkah-langkah yang mesti diikuti oleh Guru-guru Besar dan Pengetua-pengetua semasa mereka menjalankan peraturan kawalan disiplin di institusi pendidikan kelolaan mereka. Setiap sekolah mempunyai mekanisma pentadbiran disiplin masing-masing, tetapi sejauh manakah mekanisma tersebut berupaya mengawal tingkah laku pelajar merupakan fokus kajian ini. Kajian kualitatif telah dijalankan, dengan sampel sebanyak 16 unit institusi pendidikan dalam Alor Setar. Institusi pendidikan tersebut merupakan sekolah-sekolah menengah bantuan penuh kerajaan. Data diperolehi melalui sesi-sesi temubual dengan pihak pentadbiran disiplin sekolah-sekolah tersebut iaitu Pengetua-pengetua, Penolong-penolong Kanan I dan Hal Ehwal Murid, dan Guru-guru Disiplin. Instrumen kajian merupakan soalan berstruktur dan analisis peratusan dilakukan ke atas data. Hasil kajian mendapati pihak pentadbiran disiplin di sekolah-sekolah yang dikaji hampir semuanya maklum dengan peruntukan dan panduan seperti yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Semua responden bersetuju bahawa budi bicara merupakan aspek yang sangat penting digunakan dalam membuat keputusan sebelum tindakan disiplin diambil ke atas pelajar yang telah melakukan kesalahan disiplin, dan budi bicara tersebut hanya boleh diamalkan dalam kes-kes kesalahan yang kecil dan ringan. Sebarang kontroversi yang timbul kerana penggunaan budi bicara dapat diredakan dengan penerangan daripada pihak pentadbiran disiplin. Proses penurunan kuasa yang diamalkan di sekolah-sekolah kajian juga didapati kemas dan mengikut panduan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian. Walau bagaimanapun, selepas peringkat pentadbiran disiplin sekolah, peringkat-peringkat bawahan lain di sekolah didapati tidak mendapat pendedahan yang sempurna tentang prosedur tindakan disiplin dan bentuk-bentuk hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan tertentu. Di sini letaknya kebanyakan punca masalah kerana pihak pentadbiran yang arif dengan prosedur dan peruntukan disiplin merupakan pihak yang kurang berinteraksi secara langsung dengan pelajar. Sebaliknya pihak yang kerap berinteraksi dengan pelajar, iaitu guru-guru biasa, tidak diberi pengetahuan dan kefahaman secukupnya tentang prosedur tindakan disiplin dan bentuk-bentuk hukuman yang patut dikenakan dalam situasi kesalahan disiplin yang tertentu. Maka rumusan yang dapat dibuat hasil kajian ini ialah kumpulan sasaran yang patut diberi pendedahan lengkap tentang tatacara pelaksanaan tindakan disiplin dan peruntukan hukuman ke atas kesalahan disiplin bukan hanya pihak pentadbiran disiplin di sekolah-sekolah, tetapi juga guru-guru biasa. Ini dapat mengelakkan guru-guru daripada mengambil tindakan menghukum pelajar dengan hukuman yang di luar peruntukan Kementerian Pendidikan.

# IMPLEMENTATION OF BEHAVIOUR CONTROL SYSTEM IN EDUCATIONAL INSTITUTIONS IN ALOR SETAR

## ABSTRACT

This qualitative research is carried out to identify the procedures that must be adhered to by school principals in ensuring that the behaviour control system in their respective schools are effective in maintaining good school climate. A sample of 16 educational institutions in Alor Setar was taken, with these institutions being fully-funded secondary schools managed by the Education Ministry. Data was collected through interviews on school Principals, Senior Assistants in charge of Academic and Student Affairs, and Discipline Teachers. Research instrument consisted of structured questions and percentage analyses were carried out on the data. Research findings showed all school discipline administrators being well versed with the procedures and guidelines as allowed for by the Education Ministry. All respondents agreed that the use of discretion is of utmost importance when deliberating on an offense by students, and that discretion should only be used when the offences are minor in nature. The research findings also noted that any controversies that may arise out of the use of discretion could usually be dispelled when proper explanation are given to the dissenting parties. The empowerment process as practised in the schools are also found to be properly administered as required by the Education Ministry. However, it was found that ordinary teachers who are not part of the school discipline administrators are the ones who lacked in understanding of the procedures and provisions before disciplinary actions can be carried out on students. This is where most problems occur because ordinary teachers are the ones who come most in contact with students yet they are the ones without proper understanding of the discipline procedures, resulting in improper actions sometimes carried out by them. Hence, as a conclusion, it could be said that the target groups that must be made aware and competent in disciplinary procedures are not just the upper echelon of school administration, but also and more importantly, the ordinary teachers who are the ones most susceptible to take discipline actions into their own hands. By making these groups aware of the proper steps and actions to take, hopefully teachers will not take actions that are outside the provisions of the Education Ministry.

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadzrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang telah melimpahkan taufiq dan hidayahNya mengizinkan selesai kajian serta penulisan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu `alaihi Wa Sallam, ahli-ahli keluarga Baginda serta para sahabat Baginda kesemuanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya Profesor Madya Shafee bin Saad, yang tidak jemu-jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar serta nasihat dan kritikan membina sehingga selesai kajian ini. Juga kepada semua pensyarah yang telah memberikan ilmu mereka kepada saya tanpa mengenal penat lelah. Tidak lupa juga kepada semua staf Sekolah Siswazah, istimewa sekali untuk Profesor Madya Dr. Ibrahim bin Abdul Hamid, Dekan Sekolah Siswazah.

Penghargaan yang tidak ternilai saya rakamkan di sini khas buat suami Ahmad Tajuddin bin Haji Din yang telah memberikan sokongan padu sepanjang pengajian saya dalam program ini terutama sekali kerana mengambil alih tugas bermain dan bersama anak-anak yang masih kecil. Buat Noor Aiman, Abdullah Thani dan Muhammad Aarif, semoga usaha mama ini menjadi pendorong untuk pencapaian kalian di masa depan.

Akhir sekali, khas kepada sahabat-sahabat Cohort-8, semoga persahabatan erat yang kita jalin tidak akan lerai dimakan zaman. Segala bantuan, sokongan dan nasihat kalian amat saya hargai. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberkati segala usaha kita.

Noor Hayati Abdullah  
Sekolah Siswazah  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok, Jitra  
Kedah Darul Aman.

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
Perakuan	
Kebenaran Mengguna	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan	vi
Jadual Kandungan	vii
BAB 1:       PENGENALAN	1
BAB 2:       ULASAN KARYA	16
BAB 3:       KAEDAH KAJIAN	33
BAB 4:       HASIL KAJIAN DAN ANALISIS	39
BAB 5:       RUMUSAN DAN CADANGAN	58
BIBLIOGRAFI	69
LAMPIRAN 1:       GARIS PANDUAN YANG DIKELUARKAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	72
LAMPIRAN 2:       CONTOH INSTRUMEN KAJIAN	75
LAMPIRAN 3:       SURAT AKUAN	83
LAMPIRAN 4:       SURAT-SURAT KEBENARAN KAJIAN	84

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **Pendahuluan**

Berita tentang masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah khususnya pelajar-pelajar sekolah menengah sering disiarkan dalam akhbar-akhbar. Biasanya salah laku yang dilakukan oleh pelajar terdiri daripada kesalahan-kesalahan kecil seperti tidak membuang sampah ke dalam tong-tong sampah sehinggalah kepada kesalahan bersifat jenayah seperti mencuri, memeras ugut, mencabul kehormatan rakan pelajar dan '*gangsterism*'. Isu disiplin pelajar yang semakin merosot ini bukan sahaja terbatas kepada negara Malaysia, bahkan isu ini juga dihadapi oleh negara-negara lain. Wan Zahid Wan Noordin, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, dalam ucapan utamanya ketika merasmikan Seminar Pendidikan Nilai dan Etika di Sekolah Asia Dan Pasifik di Kuala Lumpur telah berkata bahawa kebanyakan negara Asia yang pernah menghadiri persidangan seumpama itu melaporkan kesan pendidikan moral dan etika yang diajar di sekolah-sekolah amatlah mengecewakan (Utusan Malaysia, 29 September 1995) . Berbagai sebab diberikan sebagai punca kepada masalah moral dan etika di kalangan pelajar. Bagi Wan Zahid lagi, salah satu punca ialah kurangnya guru yang cekap disebabkan oleh kurangnya latihan. Selain itu, beliau juga berkata bahawa strategi pelaksanaan yang lemah dan ketidakserasian antara nilai di sekolah dengan nilai di dalam masyarakat turut



membantutkan proses penerapan nilai-nilai moral dan etika ke dalam diri pelajar. Malah beliau menambah bahawa kualiti guru yang mengajar juga menentukan kegagalan dan kejayaan program pendidikan nilai dan etika di sekolah-sekolah. (Utusan Malaysia, 29 September 1995)

Isu salah laku pelajar sekolah di negara ini telah berlarutan untuk kesekian lamanya. Hal ini telah mula dibincangkan secara serius dalam seminar-seminar kebangsaan mengenai disiplin sekolah-sekolah sejak tahun 1978 lagi. Bagaimanapun hingga ke hari ini, bilangan kes salah laku pelajar yang semakin bertambah seolah-olah menunjukkan bahawa tiada kesan positif yang timbul daripada ketetapan-ketetapan hasil perbincangan dalam siri-siri seminar tersebut. Sebagai contoh, Seminar Kebangsaan Mengenai Disiplin Sekolah-sekolah pada tahun 1978 telah mengambil beberapa ketetapan antaranya:

- Bahawa seminar itu mahukan sokongan penuh Kementerian Pelajaran terhadap tindakan disiplin yang dikenakan oleh guru-guru terhadap murid-murid mengikut kuasa yang telah diberikan kepada mereka, supaya tindakan mereka itu juga mendapat sokongan masyarakat seluruhnya.
- Kementerian Pelajaran diseru menyediakan garis-garis panduan untuk jenis-jenis tindakan disiplin yang boleh dikenakan terhadap murid-murid. Satu garis panduan disiplin dan cara melaksanakan hukuman mesti diadakan supaya dipatuhi oleh semua pihak.
- Seminar itu juga menyeru Kementerian Pelajaran memasukkan mata pelajaran Kaunseling dalam kursus perguruan dan Diploma Pendidikan.

Sungguhpun berbagai cadangan telah dikemukakan, tetapi laporan-laporan akhbar yang selalu menyiarkan berita masalah salah laku pelajar menuntut sesuatu yang lebih tegas dilakukan. Apatah lagi, sejak akhir-akhir ini, kes-kes jenayah melibatkan pelajar semakin mendapat liputan dan berbagai pihak mengeluarkan pandangan dan cadangan tentang bagaimana menangani situasi ini.

Sebagai contoh, aktivis sosial, Lee Lam Thye menulis dalam ruangan 'Catatan Aktivis'nya bahawa kuasa merotan yang diberikan kepada Guru Besar dan Pengetua wajar dikekalkan. Namun begitu, beliau menambah bahawa pemberian kuasa merotan kepada guru-guru patut dipertimbangkan dengan lebih teliti memandangkan guru-guru sudah terlalu banyak beban tugas dan beliau bimbang emosi guru mungkin mendorong kepada salah guna kuasa merotan (Utusan Malaysia, 29 September 1996). Dato' Seri Najib Tun Razak juga berpendapat bahawa tahap disiplin pelajar sekarang sudah di peringkat kritikal dan memerlukan langkah-langkah drastik untuk menanganinya. Antara langkah drastik yang dimaksudkan tersebut ialah meluaskan kuasa merotan kepada guru-guru biasa dan memberi Kuasa Polis Tambahan (*Auxilliary Police Power*) kepada guru-guru disiplin.

Sungguhpun langkah untuk memberi Kuasa Polis Tambahan ini kepada guru-guru disiplin kelihatan seperti suatu langkah yang tepat untuk melindungi guru-guru disiplin yang menjalankan tugas mereka daripada disaman, namun begitu langkah ini mendapat berbagai reaksi positif dan negatif daripada warga pendidikan kerana ia memberi implikasi bebanan kerja yang bertambah dan

bertindih dengan kuasa khusus pihak polis ( Utusan Malaysia, 28 Februari 1997 ).

Cadangan Menteri Pendidikan yang mahukan Kuasa Polis Tambahan diberikan kepada guru-guru disiplin itu paling kuat ditentang oleh pihak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) yang menyebut bahawa sebenarnya apa yang diperlukan ialah satu garis panduan yang jelas daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Garis panduan tersebut hendaklah menyebut dengan khusus bidang kuasa guru dalam menjalankan tugas-tugas disiplin serta apa hukuman dan tindakan yang boleh dikenakan bagi setiap suatu kesalahan tertentu yang dilakukan oleh pelajar (N. Siva Subramaniam, Utusan Malaysia, 23 Ogos 1997). Pihak KPPK yang mempunyai fungsi utama memelihara kebajikan para pendidik telah menyuarakan pandangan melalui Setiausahanya itu supaya beban tugas para guru diperjelaskan, dan ini termasuklah tugas mengawal dan menjamin disiplin pelajar sekolah seluruh negara. Seiring dengan beban tugas tersebut, pihak KPPK juga mahu komitmen daripada pihak kerajaan agar tindakan disiplin yang dijalankan oleh guru-guru mendapat sokongan perundangan pihak kerajaan.

### **Pernyataan Masalah**

Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya telah mengeluarkan garis-garis panduan tentang tatacara pelaksanaan peraturan bagi mengawal dan menangani masalah salah laku pelajar di sekolah-sekolah. Panduan-panduan tersebut dikeluarkan dalam berbagai bentuk, seperti surat-surat pekeliling,

laporan tahap disiplin dan cadangan memperbaiki tahap disiplin dan sebagainya. Panduan utama merupakan sebuah buku khas iaitu Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru, 1988. Malangnya sekali, buku itu tidak memberi panduan dengan lebih jelas tentang beberapa perkara termasuklah yang paling ketara sekali bentuk hukuman yang patut dilaksanakan ke atas seseorang pelajar yang melakukan salah laku disiplin tertentu. Hampir semua bentuk hukuman yang hendak dijalankan bergantung kepada budi bicara Guru Besar / Pengetua. Bidang kuasa yang dipunyai oleh Guru Besar dan Pengetua pula mesti diturunkan secara rasmi kepada guru-guru lain yang terlibat secara langsung dengan tugas mengawal disiplin pelajar seperti Guru Disiplin, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid atau pun Guru Jemaah Pengawas. Hal ini perlu kerana tanpa penurunan kuasa yang rasmi, sebarang tindakan yang diambil bagi mengawal disiplin pelajar mungkin tidak disokong oleh Pengetua atau pihak-pihak yang lebih atas, sekiranya berlaku masalah di kemudian hari.

Oleh hal yang demikian, persoalan yang timbul ialah sejauh manakah penurunan kuasa ini boleh berlaku, dan adakah kuasa yang diturunkan itu dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan berkesan tanpa rasa ragu-ragu atau bimbang oleh guru-guru berkenaan? Utusan Malaysia dalam salah satu rencana Pendidikan bertarikh 23 Ogos 1997 telah menyiarkan seruan pihak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan yang meminta hampir 70,000 ahli-ahlinya supaya jangan menghiraukan masalah disiplin dan salah laku pelajar. Seruan itu dikeluarkan sebagai membantah tindakan pihak polis menahan seorang guru disiplin di Johor Bharu yang didakwa atas tuduhan

merotan pelajarnya. Tindakan polis itu yang disifatkan oleh pihak KPPK sebagai memalukan profesion perguruan dan mencemarkan maruah guru tersebut juga dikesali kerana hal sedemikian boleh menyebabkan para guru hilang semangat untuk menjaga hal-hal disiplin pelajar. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, pihak Kementerian Pendidikan dan pihak Polis DiRaja Malaysia telah cepat bertindak dengan mengakui bahawa tindakan anggota polis menahan guru terbabit tidak mendapat restu pihak-pihak atasan. Kejadian ini tentulah telah menghakis keyakinan para guru tentang keselamatan diri mereka semasa mereka menjalankan tugas-tugas disiplin.


Hakikatnya ialah berbagai strategi dan kaedah telah dirancang dan dilaksanakan untuk memperbaiki tahap disiplin pelajar-pelajar di negara ini tetapi ia hanya mengubati '*symptoms*' penyakit sahaja. Masalah sebenar menurut hemat pengkaji ialah ketidaktekalan proses pelaksanaan peraturan disiplin itu sendiri yang berubah-ubah dari satu sekolah berbanding sekolah lain serta ketiadaan garis panduan yang jelas dan menyeluruh tentang apa yang perlu dibuat oleh Guru-guru Besar dan Pengetua ketika melaksanakan peraturan disiplin di sekolah-sekolah.

Sekiranya garis panduan sudah diberikan, dan para Guru Besar dan Pengetua telah memperjelaskan sistem kawalan gelagat di sekolah mereka dengan sebaik mungkin, persoalan lain yang timbul ialah adakah para guru yang menjalankan kawalan gelagat di sekolah-sekolah telah benar-benar mahir dengan peruntukan-peruntukan sedia ada dalam peraturan yang digunapakai di sekolah masing-masing? Adakah para guru tahu tentang selok belok tindakan disiplin yang sepatutnya diambil? Adakah para guru tahu tentang bentuk

tindakan disiplin yang sewajarnya diambil dalam kes yang berbeza-beza? Atau adakah para guru boleh menjalankan sebarang bentuk tindakan tanpa perlu merujuk mana-mana pihak?

Amatlah mudah untuk mengatakan bahawa 'kuasa telah diturunkan' tetapi adakah kuasa tersebut telah dijalankan dengan sempurna?

Secara grafik, pengkaji menjangka bahawa masalah-masalah yang timbul dalam sistem kawalan gelagat kerapnya berlaku di peringkat *proses* pelaksanaan peraturan disiplin - seperti di dalam model IPO (Input-Proses-Output) berikut:



## **Konteks dan Pentingnya Kajian**

Kajian ini dilakukan sebagai usaha ke arah mengenal pasti langkah-langkah yang mesti diikuti oleh Guru-guru Besar dan Pengetua-pengetua semasa menjalankan peraturan kawalan disiplin di institusi pendidikan di bawah kelolaan mereka. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah sendiri semasa ditemu bual telah menyatakan bahawa pihak mereka sememangnya tidak mengarahkan atau mencadangkan bagaimanakah caranya seseorang Pengetua itu harus bertindak, kerana mereka menyerahkan segalanya kepada budi bicara dan kebijaksanaan Pengetua itu sendiri. Di sinilah letaknya kelemahan sistem yang sedia ada. Tidak semua Pengetua mempunyai kebijaksanaan menggunakan budi bicara secara paling baik dan tahu menurunkan kuasa dengan cekap dan berkesan, terutamanya dalam hal-hal menangani disiplin pelajar.

Laporan Disiplin Pelajar Sekolah (1991) menyatakan bahawa daripada 1,364,247 jumlah sebenar pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia yang dilaporkan bermasalah disiplin, hanya sebanyak 4.3% daripada jumlah tersebut yang benar-benar terlibat dengan kes salah laku. Laporan tersebut telah mengemukakan analisis yang telah dilakukan ke atas data yang diperolehi dan dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat punca utama dari mana datangnya masalah yang boleh membawa kepada pelajar melakukan kesalahan disiplin. Keempat-empat punca tersebut ialah diri pelajar sendiri, keluarga pelajar, pengaruh persekitaran pelajar yang membawa makna termasuk rakan-rakan sebaya, dan sekolah.

Laporan yang sama juga memberikan faktor-faktor berikut sebagai punca salah laku pelajar –pelajar sekolah menengah di *negeri Kedah*:

<b>PUNCA</b>	<b>BILANGAN</b>
Diri	7713
Keluarga	674
Persekitaran	243
<i>Sekolah</i>	35
<b>JUMLAH</b>	<b>8665</b>

Memandangkan sekolah juga telah dikenal pasti sebagai punca masalah disiplin pelajar sekolah menengah, maka kajian ini memilih untuk memfokus kepada tatacara dan sistem kawalan disiplin yang diamalkan di sekolah-sekolah sebagai usaha mengkaji sejauh manakah faktor tersebut mempengaruhi iklim persekolahan sehingga membawa kepada mendorong pelajar melakukan kesalahan disiplin.

Sekiranya semua Pengetua mempunyai kemahiran mengamalkan budibicara dengan adil dan saksama serta berupaya memperjelaskan peraturan-peraturan yang diamalkan di sekolah-sekolah, sudah pasti tidak akan kedengaran rungutan-rungutan berbagai pihak tentang kelemahan pelaksanaan disiplin di sekolah-sekolah di negara ini seperti mana yang telah dikemukakan di awal penulisan ini.



Latihan-latihan dan kursus-kursus yang diberikan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri kepada Pengetua-pengetua lazimnya meliputi hal-hal pentadbiran seperti Kewangan, Kurikulum dan Ko-kurikulum dan tidak lepas juga hal-hal disiplin. Namun, haruslah kita akui di sini bahawa masih terdapat kekurangan yang boleh diperbaiki apabila hal pengurusan disiplin ini disentuh.

Oleh itu, melalui kajian ini diharapkan agar langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak pengurusan dan pentadbir sekolah boleh dikenal pasti supaya suatu keselarasan tindakan oleh semua sekolah dapat dipastikan demi memantapkan pelaksanaan kawalan disiplin pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di bandar Alor Setar khususnya dan di negara Malaysia amnya.

Di akhir kajian ini, pengkaji akan mengutarakan cadangan yang dirumus daripada gabungan pembacaan, kajian dan pengalaman pentadbir dan pengurus sekolah-sekolah di sekitar bandar Alor Setar tentang apakah situasi yang dihadapi oleh pihak pentadbir sekolah khasnya dalam menangani isu disiplin pelajar. Semoga cadangan yang dikemukakan itu nanti dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam usaha memperbaiki tahap disiplin pelajar-pelajar sekolah.

## **Objektif Kajian**

Mengenalpasti apakah garis panduan yang digunakan oleh institusi pendidikan bagi tujuan kawalan gelagat individu dalam institusi terbabit terutamanya dari aspek bentuk hukuman yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan tertentu.

Mengenalpasti jenis salah laku disiplin yang menyebabkan budi bicara pihak pengurus/pentadbir sekolah paling banyak digunakan yang juga boleh menimbulkan kontroversi.

Membincangkan amalan penurunan kuasa seperti yang diamalkan di institusi-institusi pendidikan untuk mendapat gambaran jelas tentang tatacara yang digunakan.

Membincangkan tatacara peraturan disiplin seperti yang diamalkan di institusi-institusi terbabit dan membandingkan tatacara yang diamalkan dengan jumlah kes salah laku disiplin yang dilakukan oleh individu (pelajar) di institusi terbabit.

## **Batasan Kajian**

### *Persampelan dan Responden*

Kajian ini hanya terbatas kepada sekolah-sekolah dalam bandar Alor Setar. Memandangkan terdapat hanya 19 buah sekolah menengah bantuan penuh kerajaan dalam bandar ini, maka persampelan dilakukan dengan mengambil populasi sebagai sampel. Sungguhpun begitu, 2 sekolah merupakan sekolah jenis kebangsaan Cina dan satu sekolah merupakan sekolah perempuan premier negeri. Sekolah-sekolah ini mempunyai profail pelajar yang agak berbeza daripada sekolah-sekolah lain maka sekolah-sekolah ini tidak diambil kira untuk dijadikan responden. Pengkaji membuat keputusan mengambil hanya 16 sekolah bagi mengurangkan data yang terlalu '*bias*' seperti yang dinyatakan tadi.

Data daripada 16 buah sekolah dipungut dengan cara menemuramah pihak pentadbir sekolah-sekolah tersebut yang terdiri daripada:

- a. Pengetua dan/atau
- b. Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan/atau
- c. Guru Disiplin

### *Masa*

Proses mendapatkan data dilakukan dalam masa dua bulan, iaitu daripada bulan Ogos hinggalah bulan September 1999. Kajian dilakukan pada suku ketiga sesi persekolahan kerana pengkaji menjangka pada masa tersebut, perjalanan sesi akademik sesebuah sekolah itu sudah mula stabil. Peraturan-peraturan sekolah yang baru, jika ada, akan mula menampakkan kesan. Pengetua atau Penolong-penolong Kanan, jika baru ditukarkan, juga dijangka sudah mula serasi dengan sekolah dan tugas baru mereka. Selain itu, statistik kesalahan disiplin pelajar juga pada jangkauan pengkaji sudah mula terkumpul dan boleh diperolehi untuk analisis.

Sesi temubual pula dilakukan kebanyakannya pada waktu pagi, kecuali jika pihak yang hendak ditemubual meminta pengkaji hadir pada sebelah petang.

### *Tahap kefahaman responden*

Di kalangan pihak pentadbir yang ditemubual, terdapat juga sebilangan yang baru memegang jawatan sebagai Pengetua atau Penolong Kanan Hal Ehwal Murid. Oleh itu, respons yang mereka berikan adalah banyak bergantung kepada pengalaman mereka yang mungkin agak baru dalam hal ehwal mentadbir dan mengurus sekolah serta isu disiplin pelajar yang kini jatuh ke atas bahu mereka sepenuhnya.

## **Definisi Konsep Utama**

“Sistem” dalam konteks kajian yang dilakukan ini tidak mempunyai suatu definisi khusus. Sebaliknya ia bolehlah difahamkan melalui beberapa ciri penting iaitu, sistem mempunyai beberapa perkara atau peristiwa yang saling berkait, ia bersifat menyeluruh, ia mempunyai matlamat tertentu, tatacara tersendiri, menerima input dari persekitaran dan mengubah input tersebut sehingga menjadi output untuk dimasukkan semula ke persekitarannya. Selain itu, sistem mempunyai tingkat hirarki yang membawa maksud terdapat beberapa subsistem yang lain di dalamnya dan atas sifatnya yang sedemikian itu, pencapaian matlamat sesuatu sistem tidaklah boleh ditentukan hanya oleh satu perkara sahaja. Malah, terdapat banyak jalan-jalan penyelesaian dan cara-cara untuk mencapai matlamat sesebuah sistem yang diwujudkan (Evers dan Lakomski, 1996).

Kawalan gelagat atau disiplin, bagi maksud kajian ini- merangkumi akhlak, tatatertib, tatasusila, kesopanan dan sebagainya. Disiplin akan mengorientasikan ahli-ahli masyarakat kepada norma-norma masyarakat tersebut ( Rohaty Mohd Majzub et al, 1991)

Institusi Pendidikan bermaksud sebuah organisasi yang menjalankan pendidikan sebagai aktiviti utamanya atau '*core business*'. Dalam konteks kajian ini, institusi pendidikan merujuk kepada sekolah-sekolah menengah bantuan penuh kerajaan persekutuan, berdasarkan pernyataan dalam Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru (1988).

Bandar Alor Setar merujuk kepada kawasan yang telah dikenal pasti menurut takrif Majlis Perbandaran Kota Setar bermula di utara daripada Kepala Batas menganjur ke selatan hingga ke pekan Tandop, manakala di barat pula ia bermula dari Jalan Kuala Kedah hingga ke Jalan Dato' Kumbang sebelum Jabatan Haiwan di sebelah Timur.

Oleh itu, hasil daripada definisi konsep-konsep utama yang diutarakan di sini, dapatlah dinyatakan bahawa kajian ini bertujuan mendalami perkara-perkara, ciri-ciri dan tatacara yang digunakan di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan persekutuan yang berada dalam bandar Alor Setar bagi membina dan mewujudkan disiplin yang utuh di kalangan pelajar-pelajar, supaya pelajar-pelajar tersebut bertingkah laku sopan, mulia dan mempunyai nilai-nilai yang sepadan dengan nilai-nilai masyarakatnya.

## BAB 2

### ULASAN KARYA

#### **Hubung Kait Kawalan Gelagat dan Disiplin**

Gelagat atau *behaviour* merupakan tingkah laku yang dapat dilihat secara nyata melalui perlakuan. Oleh itu, kawalan gelagat merujuk kepada peraturan-peraturan atau tatacara tertentu yang dapat mengatur dan mengawal perlakuan supaya selari dengan penerimaan masyarakat. Berdasarkan fungsi utama kawalan gelagat ini, maka ia selari dengan defini disiplin seperti yang diketengahkan oleh Awang Had Salleh (Rohaty Majzub et al, 1991). Beliau menyatakan bahawa disiplin merangkumi akhlak, tatatertib, tatasusila, kesopanan dan sebagainya. Disiplin akan mengorientasikan ahli-ahli masyarakat kepada norma-norma masyarakat tersebut ( Rohaty Mohd Majzub et al, 1991)

Disiplin dan kawalan tingkah laku adalah dua aspek yang mustahak bukan sahaja di sekolah, malah telah diakui umum sebagai satu isu negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1980). Kedua-duanya penting atas sebab-sebab pendidikan, sosial dan moral. Sekolah merupakan institusi pendidikan yang dibangunkan dalam sesebuah masyarakat supaya melalui sekolah akan berlaku penyampaian pengetahuan, kemahiran, ideologi dan nilai-nilai murni masyarakat. Masyarakat yang terdiri daripada pemuda pemudi yang

mempunyai disiplin dan nilai-nilai moral yang tinggi akan menjadi masyarakat yang utuh dan berdaya maju.

Untuk sesebuah sekolah berfungsi dengan baik di mana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan berlaku, persekitaran yang teratur amatlah perlu. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Kewujudan iklim sekolah yang bertertib akan membolehkan sesebuah sekolah itu berfungsi dengan lancar. Memandangkan faedah-faedah yang boleh timbul daripada penghayatan disiplin dan tingkah laku yang baik di kalangan pelajar, tidak hairanlah jika aspek-aspek tersebut bukan sahaja merupakan prasyarat untuk membolehkan pengajaran dan pembelajaran berlaku malahan juga merupakan hasil daripada proses pendidikan yang diidamkan untuk setiap pelajar.

### **Garis Panduan Kawalan Disiplin**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan berbagai garis panduan yang berupa Ordinan Pelajaran, buku-buku panduan dan surat-surat pekeliling ikhtisas serta surat-surat siaran yang bertujuan membantu menangani pelbagai isu semasa berkenaan pendidikan, termasuk yang berhubung dengan kes-kes disiplin pelajar (Lampiran 1). Kementerian Pendidikan Malaysia (1981), mendefinisikan disiplin sebagai kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga merujuk kepada kesanggupan seseorang itu bekerja atau menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan



tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain, kesanggupan hormat-menghormati di antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong menolong dan kesanggupan memperbaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

Berdasarkan pengertian tersebut di atas, dapatlah kita fahami bahawa disiplin membawa konotasi positif yang merangkumi sifat bertata tertib, bertata susila, beradab, berakhlak dan bersopan. Contoh-contoh perlakuan atau tingkah laku yang berdisiplin adalah menepati waktu, berinisiatif, rajin, bersedia membantu orang yang dalam kesusahan, toleransi dan menghormati orang lain. Oleh yang demikian, konsep disiplin yang paling sesuai dibina dalam masyarakat demokrasi seperti yang wujud di Malaysia ini ialah konsep disiplin diri sendiri, di mana bimbingan dan latihan diberikan untuk menimbulkan keinsafan akan peri mustahaknya sifat berdisiplin itu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1980).

Kementerian Pendidikan Malaysia juga menggariskan pendekatan serta kaedah yang seharusnya diamalkan untuk menghasilkan keupayaan mendisiplin diri sendiri di kalangan pelajar sekolah. Pihak yang berwajib disarankan supaya menggalakkan tingkah laku dan amalan nilai-nilai murni hasil daripada kesedaran pelajar sendiri dan bukan yang dipaksakan kepada mereka (1980). Tambahan lagi, Kementerian Pendidikan Malaysia (1980) juga menggariskan dasar dan prinsip-prinsip asasi disiplin di sekolah-sekolah yang dianjurkan atas enam perkara iaitu keadilan dan layanan sama rata,

pertimbangan minat dan keperluan pelajar, kebebasan, menghormati individu sebagai manusia, perhubungan baik sesama manusia dan kehidupan harmoni, dan perpaduan negara. Melihat kepada dasar-dasar disiplin tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa dalam menjalankan kawalan dan memastikan tahap disiplin, pihak yang bertanggungjawab hendaklah sentiasa peka kepada perbezaan yang wujud antara pelajar dan antara situasi. Pihak yang bertanggung jawab juga hendaklah sentiasa adil dan bijaksana dalam mengadili kesalahan tingkah laku yang berlaku, dengan cara mengambil kira faktor-faktor penyumbang kepada salah laku sebelum tindakan yang sesuai diambil. Pada ruang inilah wujudnya penggunaan budi bicara.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menggariskan tatacara yang perlu diikuti sebelum sebarang tindakan diambil sekiranya berlaku salah laku pelajar.

Langkah-langkah tersebut ialah:

1. Memastikan kesahihan aduan tentang salah laku pelajar. Sekiranya aduan tidak benar, maka Pengetua mestilah memastikan kenapa terdapat percanggahan dalam tuduhan.
2. Sekiranya aduan didapati benar dan memang berlaku salah laku pelajar maka wujud kes untuk dihadapkan kepada pelajar. Maka Pengetua mestilah memberikan peluang kepada pelajar untuk

menafikan kesalahannya dan menegakkan kebenaran pihaknya. Ini berdasarkan prinsip hak untuk didengar.

3. Langkah seterusnya ialah pelajar dihadapkan dengan tuduhan yang nyata supaya dia tahu atas kesalahan apakah tuduhan dihadapkan kepadanya. Pada peringkat ini, pihak pentadbir sekolah mesti memberi peluang pelajar menjawab tuduhan-tuduhan yang dikemukakan kepadanya.
4. Langkah terakhir ialah membuat keputusan oleh Pengetua. Jika pelajar berjaya membuktikan bahawa tuduhan ke atasnya tidak berasas, maka tiada tindakan akan dikenakan ke atasnya. Sebaliknya jika pelajar itu didapati telah melakukan kesalahan yang dituduh, maka Pengetua mesti membuat keputusan tentang apakah bentuk tindakan atau hukuman yang hendak dikenakan ke atas pelajar yang berkenaan.

Pada peringkat mengambil tindakan berhubung salah laku yang telah terbukti berasas, seperkara yang mesti selalu diambil kira oleh Pengetua ialah kawalan disiplin, keselamatan dan ketenteraman umum. Aspek ini harus menjadi matlamat Pengetua ketika membuat keputusan yang berkaitan salah laku disiplin. Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah (1988) menyatakan bahawa terpulanglah kepada budi bicara Pengetua menentukan tindakan untuk mendisiplin pelajar apabila kes-kes salah laku telah ternyata merupakan satu kesalahan (muka surat 9).

Budi bicara Pengetua juga harus digunakan apabila pelajar telah melakukan kesalahan yang tidak dinyatakan dalam mana-mana peraturan sekolah. Keadaan ini memberi ruang yang sangat luas untuk interpretasi Pengetua. Sungguh pun begitu, Pengetua diberi panduan dalam buku yang sama tentang aspek-aspek yang harus dipertimbangkan ketika mengkaji bentuk hukuman yang hendak dikenakan ke atas pelajar. Aspek-aspek tersebut ialah beratnya kesalahan yang dilakukan, kesamaan kesalahan yang dilakukan berbanding kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar lain, kekerapan kesalahan dilakukan dan kesungguhan pelajar yang melakukannya, dan perwatakan serta latar belakang pelajar yang melakukan kesalahan tersebut. Bentuk-bentuk hukuman yang boleh dikenakan meliputi berat dan jenis kesalahan yang telah dilakukan. Kementerian Pendidikan Malaysia mencadangkan tindakan-tindakan berikut untuk diambil oleh Pengetua, iaitu:

1. Amaran bagi kesalahan yang ringan di mana tidak wajar hukuman yang lebih berat dikenakan.
2. Denda – setelah dipertimbangkan dengan teliti hubungan antara denda dengan kemampuan pelajar membayar denda berkenaan. Tindakan ini mestilah untuk situasi yang praktikal di mana pelajar merasa bahawa dia sedang dihukum melalui denda yang dikenakan ke atasnya.
3. Penahanan (detention) bagi mengawal tingkah laku yang jahat di mana pelajar dinafikan kebebasan.

4. Hukuman dera (merotan). Hukuman ini tertakluk kepada peruntukan dan syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959.
5. Penggantungan daripada sekolah di mana pelajar diarah supaya tidak masuk ke dalam kawasan sekolah. Hukuman ini bersifat sementara dan untuk jangka masa yang berpatutan. Terdapat juga situasi di mana Pengetua dibenarkan menggantung pesekolahan pelajar sebagai usaha membenarkan siasatan membuktikan kesalahannya dilakukan. Hal ini diperuntukkan di Peraturan 8, Peraturan Pelajaran ( Disiplin Sekolah ) 1959.
6. Pembuangan sekolah yang merupakan hukuman paling berat untuk sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pelajar itu sama ada kesalahan berat sekali, atau beberapa kesalahan berulang kali.

## Penemuan Kajian

Berbagai kajian dan penulisan berkenaan kawalan gelagat, salah laku disiplin dan cara-cara mengatasi masalah salah laku telah ditulis. Penekanan dalam kajian-kajian tersebut berbeza-beza, daripada kajian faktor-faktor yang membawa kepada kesalahan-kesalahan tingkah laku kepada kajian strategi yang dianggap berkesan bagi mengawal gelagat dan salah laku. Namun dari perspektif negara ini, tiada dalam pengetahuan pengkaji tentang suatu kajian yang dijalankan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan peraturan kawalan disiplin atau tingkah laku pelajar berasaskan buku-buku panduan peraturan disiplin, surat-surat pekeliling serta berbagai panduan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya seperti yang diamalkan di sekolah-sekolah.

Sebagai contoh, Loh Koh Cheang (1995) mengkaji berkenaan tingkah laku yang baik dan perlunya satu kod tingkah laku baik yang boleh dijadikan panduan kepada para pelajar. Ini tentulah suatu usaha yang merupakan 'the opposite' daripada usaha membendung salah laku melalui peraturan-peraturan yang menjanjikan hukuman bagi pesalah-pesalah laku. Beliau berpendapat bahawa dengan kod tingkahlaku yang baik untuk dicontohi oleh para pelajar, satu iklim disiplin yang lebih baik dapat dibentuk di sekolah-sekolah berbanding pendekatan bercorak 'negatif', iaitu melalui peraturan-peraturan disiplin dan *janji* hukuman kepada yang bersalah. Cara menangani masalah disiplin seperti yang dicadangkan oleh Loh tadi nampaknya mempunyai persamaan dengan penulisan Gaustad (1999) di mana beliau pula menyatakan

bahawa dalam menangani masalah kawalan gelagat para pelajar khususnya remaja, adalah lebih baik para remaja yang merupakan pelajar-pelajar sekolah diajar cara-cara positif mengatasi masalah dan menghindarkan mereka daripada mengambil langkah-langkah ganas sebagai jalan keluar penyelesaian masalah. Dalam kajiannya, Gaustad melaporkan bahawa sekolah-sekolah lebih berjaya sekiranya faktor-faktor seperti sikap suka mengherdik dan membuli rakan sekelas dan kecenderungan bersama 'gang' yang boleh membawa kepada masalah disiplin yang lebih teruk dikenalpasti sejak awal-awal lagi bagi memastikan masalah disiplin tidak berlarutan atau menjadi lebih parah.

Faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya kesalahan tingkah laku telah dikaji oleh Jenkins (1995) untuk mendalami dan memahami serta cuba mencari tahap perkaitan beberapa ciri yang dijangka mempunyai kesan langsung ke atas kecenderungan pelajar melakukan kesalahan persekolahan (*school delinquency*), iaitu dengan mengaitkan kecenderungan melakukan salah laku disiplin dengan ciri-ciri demografi seperti latar belakang responden, penglibatan keluarga dalam persekolahan pelajar dan tahap kemahiran pelajar. Beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai tahap komitmen yang tinggi terhadap persekolahan kurang kecenderungan melakukan kesalahan disiplin. Beliau juga mendapati bahawa ciri-ciri latar belakang peribadi seseorang pelajar itu ada kalanya mempengaruhi kecenderungannya untuk melakukan kesalahan disiplin. Namun kajiannya tidak melihat kepada bagaimanakah sistem sedia ada yang dipraktikkan di institusi pendidikan kajiannya itu (iaitu sebuah sekolah menengah pinggir bandar) dapat mengawal gelagat individu dalam institusi tersebut.

Hasil dari beberapa kajian telah menunjukkan bahawa bagi memastikan sesuatu sistem itu dapat berfungsi dengan berkesan bagi mengawal gelagat individu dan kumpulan di institusi-institusi pendidikan menengah mahu pun rendah, peraturan-peraturan yang jelas dan konsisten amatlah perlu dilaksanakan. Ini dapat dilihat hasil kajian Butler (1994), Cotton (1990) dan Olsen (1991). Butler (1994) yang menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah dalam gred 9 hingga 12 di sebuah sekolah pinggir bandar di Amerika Syarikat mendapati bahawa peraturan disiplin yang jelas dan tegas serta polisi memastikan kehadiran pelajar (*attendance policy*) ke sekolah akan menghasilkan pencapaian akademik pelajar yang tinggi. Beliau juga mendapati bahawa dalam mengatasi isu disiplin, pihak pentadbir sekolah membahagikan disiplin kepada dua peringkat iaitu peringkat kelas (atau bilik darjah), dan peringkat sekolah. Di kedua-dua peringkat ini, kod tingkah laku yang diterima sebagai baik dinyatakan dengan jelas dan begitu juga bagi tingkah laku yang dianggap tidak baik. Pendedahan se jelas ini kepada para pelajar menghilangkan keaburan pelajar tentang apakah tingkah laku mereka yang boleh diterima dan tidak boleh diterima oleh pihak pentadbiran sekolah. Peraturan dan kod tingkah laku ini disediakan dalam sebuah buku yang kemudiannya diberi kepada pelajar, guru dan waris berserta latihan awal bagi memperkenalkan ciri-ciri penting dalam buku tersebut. Apa yang menarik dalam buku peraturan ini ialah ia membahagikan masalah disiplin kepada 21 jenis yang disebut dengan jelas merangkumi kesalahan ringan kerana lewat masuk kelas, melepak di kaki lima kelas, melawan pihak pentadbiran dan menipu hinggalah kepada membawa jenayah seperti membawa senjata



merbahaya ke sekolah. Tindakan dan hukuman bagi setiap kategori kesalahan juga dinyatakan dengan jelas, iaitu terdapat enam peringkat tindakan meliputi amaran, konferensi ( antara pihak sekolah dengan pelajar yang melakukan kesalahan), perbincangan antara pihak sekolah, pelajar dan ibu bapa, penangguhan belajar dalam kawasan sekolah ( iaitu pelajar berada dalam kawasan sekolah tetapi diasingkan daripada rakan-rakan sekelasnya yang lain), penangguhan belajar luar sekolah dan buang sekolah. Bagi setiap kesalahan pertama dan kesalahan kecil, hukuman yang ringan seperti amaran akan dikenakan. Tetapi semakin tinggi tahap kesalahan maka semakin berat peruntukan hukuman yang disediakan. Dokumentasi yang digunakan dalam pelaksanaan hukuman juga merupakan ciri menarik yang didapati daripada kajian ini di mana empat salinan tentang bentuk kesalahan yang dilakukan dan jenis hukuman yang dikenakan dinyatakan dengan jelas. Satu salinan diberikan kepada Pengetua, satu untuk guru yang mengadukan hal kesalahan disiplin pelajar, satu untuk waris dan satu untuk simpanan dan rujukan Kaunselor. Dokumentasi seperti ini banyak membantu menghilangkan keraguan di pihak ibu bapa kerana mereka tahu apa kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak mereka, mereka tahu siapa guru yang mengadukan hal kesalahan anak mereka, mereka tahu kekerapan kesalahan anak mereka melakukan kesalahan, mereka juga tahu apakah hukuman yang telah dikenakan terhadap anak-anak mereka. Selain itu, mereka juga dapat membanding fakta-fakta tersebut dengan peruntukan yang terdapat dalam buku peraturan disiplin sekolah yang ada pada mereka. Ini semua menunjukkan kesungguhan pihak sekolah mempamerkan ketelusan dalam

tindakan mereka dan dapat menghilangkan syak wasangka pihak waris terhadap pelaksanaan disiplin di sekolah.

Cotton (1990) pula dalam kajiannya menyatakan bahawa hasil dapatannya menunjukkan peraturan sekolah yang jelas dan menyeluruh dengan input daripada pelajar diambil kira serta Pengetua yang mudah dirapati dan sentiasa memberi sokongan dan dorongan merupakan antara faktor yang memastikan kawalan gelagat individu dan kumpulan di institusi pendidikan tersebut menjadi mudah. Dapataannya juga menunjukkan dalam memastikan disiplin di dalam bilik-bilik darjah, peraturan yang dapat dilaksanakan dengan tegas, cepat dan konsisten adalah sangat berkesan. Sementara Olsen (1997) mendapati bahawa pihak pentadbiran di sekolah rendah kajiannya berpegang kepada prinsip bahawa sebagaimana perlunya kawalan disiplin secara tegas dilaksanakan untuk memastikan tahap disiplin yang baik, begitu juga peneguhan positif dan ganjaran harus diberikan kepada pelajar-pelajar yang mempamerkan tingkah laku yang baik. Penekanan yang sering diberikan kepada perkara-perkara "*don'ts*" turut disertakan dengan panduan tentang perkara-perkara "*dos*". Ini bermakna bahawa pelajar akan merasa bahawa terdapat alternatif yang menyeronokkan sebagai panduan untuk mereka ikuti sepanjang masa mereka bersekolah. Kajian yang sama juga mendapati bahawa faktor kepimpinan Guru Besar merupakan faktor utama kejayaan pelaksanaan sistem kawalan disiplin di sekolah tersebut. Guru Besar sekolah tersebut didapati melaksanakan sistem peraturan disiplin sekolahnya dengan tegas dan konsisten dan panduan tentang peraturan dan tatacara pelaksanaan peraturan diberi dengan jelas dan dihuraikan supaya difahami bukan sahaja oleh pihak

pengurusan sekolah malah juga oleh guru-guru, pelajar-pelajar dan waris-waris pelajar.

Kesimpulannya, peraturan yang hendak diikuti dan dijadikan garis panduan pelaksanaan peraturan mestilah jelas, mudah difahami, menyeluruh dan meliputi semua aspek tingkah laku dalam institusi-institusi pendidikan. Dapatan daripada kajian-kajian yang dinyatakan tadi menunjukkan pentingnya penekanan terhadap ketepatan dan kesesuaian tindakan hukuman dengan bentuk kesalahan yang telah dilakukan. Selain itu pengetahuan warga sekolah serta para waris tentang tingkah laku yang boleh diterima (*acceptable*) dan yang tidak boleh diterima (*unacceptable*) oleh pihak pentadbiran sekolah juga amat perlu. Dapatan kajian-kajian tadi juga menunjukkan sekiranya sistem itu dilihat sebagai jelas dan konsisten, maka masalah yang mungkin timbul daripada pelaksanaan peraturan dapat dikurangkan dan ini dapat memantapkan disiplin pelajar di sekolah-sekolah di samping mendapat sokongan pihak waris.

Kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia seperti yang telah dilakukan oleh Ghazali Othman (1983) menunjukkan bahawa bagi mengawal disiplin pelajar-pelajar di dua buah sekolah kajiannya di negeri Selangor, strategi-strategi yang berkesan ialah yang menekankan kepemimpinan Pengetua yang berkesan terutama dalam mengurus penggunaan sumber manusia di sekolahnya, penggunaan hukuman merotan yang berpatutan dan sesuai dengan kesalahan, hubungan pihak sekolah yang rapat dengan pihak waris pelajar, saiz sekolah

yang lebih kecil, suasana pembelajaran yang selesa dan akhirnya komitmen yang tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran oleh para guru.

Dapatan yang hampir sama juga diperolehi daripada kajian kes yang dilakukan oleh Sakinah Ishak (1991) ke atas Sekolah Menengah Datuk Haji Abdul Kadir, Kepala Batas Seberang Perai, Pulau Pinang. Beliau mengkaji strategi kawalan disiplin yang digunakan oleh lima orang guru yang diiktiraf sebagai sangat berpengalaman dan mempunyai kemahiran kawalan kelas serta kawalan disiplin yang baik. Hasil kajiannya, beliau mendapati bahawa guru-guru ini mengamalkan sikap demokratik, tidak terlalu berkeras, menunjukkan sifat mesra tetapi tegas dapat mengawal disiplin dengan berkesan. Guru-guru tersebut juga menggunakan kaedah psikologi positif seperti peneguhan, arahan yang jelas, teguran, isyarat gerak badan, renungan dan kepelbagaian kaedah pengajaran sebagai usaha mengawal disiplin pelajar. Kaedah hukuman seperti dendaan dan merotan juga mereka rasakan perlu digunakan jika kaedah psikologi tidak berkesan untuk menyelesaikan masalah disiplin. Guru-guru tersebut juga mencadangkan bahawa mengelakkan masalah disiplin dari timbul adalah lebih baik dari memperbaikinya (*prevention is better than cure*). Namun, pada dasarnya mereka berpendapat apa juga kaedah yang digunakan, samada secara berdiplomasi atau menggunakan hukuman, ia haruslah bersesuaian dengan keadaan. Pada pandangan mereka walaupun pengajaran yang baik dapat mempengaruhi pembentukan suasana pembelajaran yang teratur, namun faktor persekitaran seperti kedudukan dan susunan sekolah juga dapat mempengaruhi corak disiplin di sekolah yang berkenaan. Di samping dapatan tersebut, mereka menyarankan bahawa di dalam mengawal disiplin,

beberapa perkara haruslah dilakukan seperti menyiasat latar belakang pelajar, lawatan ke rumah pelajar, meminta kerjasama daripada ibu bapa pelajar, kaunseling dan hukuman yang bersesuaian dan berpatutan.

Muhammad Amir Safarbachar Y.M. Shariff (1995) yang mengkaji peranan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di Sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan Darul Khusus mendapati bahawa peranan yang berkaitan dengan disiplin merupakan masalah paling besar yang dihadapi oleh Penolong-penolong Kanan Hal Ehwal Murid tersebut dan kursus yang paling diperlukan oleh mereka ialah pengurusan disiplin. Dapatan ini menguatkan lagi pandangan pengkaji bahawa sememangnya pengurusan disiplin serta pelaksanaan peraturan adalah sesuatu yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Sungguh pun begitu tidak banyak bantuan yang diberi atau diperolehi daripada buku-buku panduan serta pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan mahupun Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri yang selalunya lebih menitik beratkan prosedur melakukan sesuatu tindakan yang berkait dengan pentadbiran.

Sebagai contoh, surat pekeliling ikhtisas bil. 3/1993 menyebut tentang pelaporan kepada polis tentang salah laku yang berbentuk jenayah yang dilakukan oleh pelajar semasa di sekolah. Arahan ini lebih cenderung kepada menegur pihak pentadbir sekolah yang ada kalanya merahsiakan kejadian jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah mereka semata-mata kerana tidak mahu menjadi tumpuan ramai terutamanya media massa sebagai sekolah yang keadaan disiplin pelajarnya tidak terkawal. Teguran ini juga adalah sebagai

peringatan supaya pihak pentadbir sekolah tidak melakukan kesalahan mengikut Kanun Prosedur Jenayah yang mewajibkan, selain terdapat sebab-sebab yang berpatutan, semua orang termasuk pihak sekolah memberi maklumat berkenaan berlakunya atau niat mana-mana pihak untuk melakukan kesalahan-kesalahan jenayah seperti merusuh, mendatangkan kematian tanpa niat, membunuh atau cuba membunuh, membakar bangunan, memeras ugut, menganggotai kumpulan haram dan sebagainya. Surat pekeliling ini juga merupakan sorotan teguran pihak Kementerian kepada pihak pentadbir sekolah seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas bil 4/1991 yang meminta pihak sekolah melaporkan dengan serta merta sebarang kejadian yang tidak diingini yang berlaku di sekolah kepada pihak Kementerian Pendidikan di samping menghubungi Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kandungan Surat-surat Pekeliling tadi ialah terdapat kecenderungan sesetengah pihak pentadbiran sekolah untuk merahsiakan kejadian-kejadian buruk yang berhubung masalah tingkahlaku pelajar di sekolah mereka daripada diketahui oleh pihak luar sekolah apatah lagi oleh pihak umum. Ini pada hemat pengkaji menunjukkan kelemahan pelaksanaan dan pengurusan disiplin pelajar di sekolah-sekolah.

Persoalan yang timbul sekarang ialah sejauh manakah pihak pentadbir dan pengurusan sekolah tahu tentang selok belok undang-undang, peruntukan, arahan dan panduan yang terdapat bagi rujukan mereka semasa menjalankan

tugas mereka ketika memastikan tahap disiplin yang baik di sekolah-sekolah mereka?

Adakah langkah-langkah penyelesaian yang diambil oleh pihak pentadbir dan pengurusan sekolah semasa mengendalikan salah laku disiplin bersesuaian dengan panduan Kementerian Pendidikan dan boleh disokong dengan dapatan-dapatan hasil kajian seperti yang telah dinyatakan di awal penulisan ini tadi?

Sejauh manakah juga kebijaksanaan pihak pentadbir dan pengurusan sekolah telah digunakan ketika memastikan suasana disiplin di sekolah-sekolah terkawal?

Pengkaji amat berharap agar sebahagian besar persoalan tadi, jika tidak kesemuanya, dapat terjawab melalui kajian yang bakal dilakukan ini.

## BAB 3

### KAEDAH KAJIAN

#### Jenis Kajian

Kajian yang dilaksanakan merupakan suatu kajian kualitatif memandangkan aspek-aspek yang hendak dikaji merupakan aspek-aspek yang subjektif. Sebagai contoh untuk mendalami penggunaan budi bicara pihak pentadbir sekolah, setiap institusi mungkin mengamalkan prinsip yang berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian, kajian kualitatif yang tidak '*rigid*' membenarkan pemerhatian, temuramah dan perbincangan dilakukan sebagai langkah mengumpul maklumat yang diingini.

Kajian juga melibatkan perbandingan antara peruntukan yang disediakan dalam buku-buku peraturan sekolah, Buku Panduan Tatacara Disiplin dan pekeliling-pekeliling disiplin dengan pelaksanaan yang dilakukan di sekolah-sekolah terbabit. Pengkaji menjangka bahawa kajian kualitatif akan dapat memberi ruang perbandingan tersebut dilakukan dengan lebih berkesan berbanding sekiranya kajian kuantitatif dijalankan.



## **Pengukuran**

### ***Kaedah Kajian***

Instrumen kajian yang merupakan temuramah menggunakan soalan berstruktur digunakan supaya responden dapat dipandu untuk memberi jawapan yang *relevant* untuk digunakan sebagai data kajian.

Namun begitu, aspek pemerhatian juga digunakan sebagai panduan kepada pengkaji dalam menafsir jawapan yang diberikan oleh responden. Hal ini penting memandangkan keberkesanan pelaksanaan kawalan gelagat pelajar banyak bergantung kepada kebijaksanaan pihak pentadbir sekolah, dalam konteks ini Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Guru Disiplin. Keadaan sekolah yang bingit dengan bunyi bising pelajar, guru-guru yang berkasar secara terang-terang dengan pelajar dan statistik rekod disiplin pelajar sedikit sebanyak memberi gambaran mendalam tentang kewibawaan pihak pentadbir sekolah tersebut mengawal disiplin pelajar-pelajar di sekolah mereka.

### **Definisi Operasi**

Fatimah Hamid Don (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978) mendefinisikan kawalan gelagat (*behavioural control*) sebagai kawalan dengan menggunakan peraturan-peraturan tata tertib bagi memastikan individu atau kumpulan bertindak seperti yang sepatutnya.

### **Populasi Kajian**

### ***Dimensi masa***

Kajian *cross-section* akan dijalankan dan data-data akan diambil sekali sahaja melalui temuramah, perbincangan dan pemerhatian yang dijalankan.

### ***Unit analisis***

Sekolah-sekolah menengah dalam kawasan Alor Setar merupakan unit analisa kajian ini. Walau pun data akan didapatkan daripada orang perseorangan iaitu Pengetua-pengetua, Penolong-penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Guru-guru Disiplin, namun analisis terakhir yang akan dijalankan akan dibentuk daripada hasil penelitian dan perbincangan tentang pelaksanaan sistem peraturan kawalan gelagat atau disiplin di sekolah-sekolah tersebut. Maka unit analisa ialah organisasi.

### ***Populasi***

Semua sekolah menengah dalam Alor Setar.

### ***Elemen kajian***

Setiap sekolah menengah dalam Alor Setar.

### ***Kerangka populasi***

Rekod sekolah menengah yang didaftarkan di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar dalam kategori Sekolah Bandar bagi Alor Setar.

### ***Subjek***

Institusi pendidikan atau sekolah di mana kajian pelaksanaan peraturan disiplin akan dijalankan.

### **Pensampelan**

***Judgement sampling*** – kerana pengetahuan dan pengalaman yang ingin didapati hanya dipunyai oleh beberapa orang guru tertentu sahaja di dalam sesebuah sekolah itu seperti Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Guru-guru Disiplin.

Jumlah kesemua sekolah menengah bantuan penuh kerajaan dalam Alor Setar ialah sebanyak 20 buah. Jumlah sampel seperti yang disarankan oleh Krejcie dan Morgan (Sekaran, 1992) ialah 19 unit.

## **Pengumpulan data**

Data primer yang merupakan maklum balas daripada responden akan diperolehi terus daripada mereka. Borang soalan berstruktur akan terlebih dahulu ditunjukkan kepada responden supaya responden mempunyai masa untuk meneliti soalan yang bakal diajukan kepada mereka. Soalan-soalan tersebut kemudiannya akan disoal kepada responden dalam nada suara yang lembut, bersopan dan tidak mengancam. Ini dilakukan supaya aspek defensif responden dapat dielakkan sebanyak mungkin untuk mendapat respons yang neutral. Responden juga diberi jaminan kerahsiaan maklumat sebelum temuramah dijalankan.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini dibataskan kepada sekolah-sekolah menengah dalam bandar Alor Setar sahaja. Ini dilakukan atas beberapa faktor iaitu:

- a. Untuk mendapatkan perspektif yang hampir sama bagi setiap unit analisis, maka hanya sekolah yang telah dikategorikan sebagai sekolah 'Bandar' sahaja dipilih untuk kajian ini. Umum telah mengetahui bahawa persekitaran bandar adalah berbeza daripada persekitaran luar bandar mahu pun persekitaran kampung. Oleh itu, untuk mengelakkan daripada membuat perbandingan antara sekolah-sekolah yang berpersekitaran berbeza, maka hanya sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah bandar sahaja dikaji dalam kajian ini.

- b. Dijangka sekolah-sekolah yang mempunyai persekitaran yang sama akan menghadapi masalah masyarakat yang sama. Oleh itu, faktor-faktor yang sama ini dapat diandaikan malar (*constant* ) apabila bertindak ke atas setiap sekolah. Maka kajian yang akan dilakukan ke atas pelaksanaan sistem kawalan gelagat akan lebih tepat kerana setiap satunya bertindak balas dengan pemalar yang sama. Kajian Clifford Shaw dan Henry McKay (Waegel, 1989) menunjukkan bahawa kadar kejadian salah laku di kalangan remaja sesuatu kawasan bandar selalunya lebih tinggi berbanding remaja yang tinggal di luar kawasan bandar, tanpa mengira status sosio-ekonomi, tahap pendidikan atau nilai-nilai budaya remaja-remaja tersebut.
- c. Hanya sekolah menengah akan dikaji kerana masalah disiplin pelajar didapati lebih buruk apabila pelajar berada di sekolah menengah berbanding sekolah rendah. Kajian yang mencampur adukkan sekolah menengah dan sekolah rendah mungkin akan mendapat terlalu banyak maklumat yang berbeza sehingga tiada rumusan yang khusus dapat dibuat di akhir kajian.

## **BAB 4**

### **HASIL KAJIAN DAN ANALISIS**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen temu bual berdasarkan soalan berstruktur. Pengkaji telah memastikan terlebih dahulu bahawa setiap responden yang dipilih merupakan orang yang mempunyai kaitan langsung dengan aspek pentadbiran disiplin sekolah iaitu sama ada Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar atau Guru Disiplin. Jangka waktu yang diambil oleh pengkaji untuk menjalankan kesemua temu bual ialah selama dua bulan, iaitu dalam bulan Ogos dan September 1999.

Sesuai dengan saranan Altheide dan Johnson (Leedy, 1997), pengkaji telah menyusun soalan-soalan temu bual dalam bentuk yang boleh digunapakai oleh responden dalam menjalankan rutin kerja mereka seharian. Ini dilakukan bagi memenuhi keperluan kajian kualitatif yang berguna (*usefulness of qualitative research*).

#### **Pra-temu bual**

Pengkaji menghubungi sekolah-sekolah yang terdapat dalam bandar Alor Setar melalui surat memohon kebenaran Pengetua terlebih dahulu yang

kemudiannya disusuli dengan panggilan telefon untuk mengatur temu janji. Ini dilakukan bagi memastikan pihak responden bersedia menerima kedatangan pengkaji untuk menemu bual mereka kelak. Memandangkan isu yang hendak dikaji ini agak sensitif kerana ia secara tidak langsung melihat kecekapan pentadbiran disiplin di sekolah terbabit, maka pengkaji berpendapat pihak responden wajar diberi notis yang cukup untuk menerima kehadiran pengkaji.

Pengkaji sedar bahawa responden yang hendak ditemu bual merupakan pihak pentadbir sekolah yang sentiasa sibuk dengan tugas masing-masing. Oleh itu pengkaji telah berusaha untuk mendapatkan waktu temu janji di sebelah pagi. Ini adalah untuk memastikan kesesuaian masa bagi responden setelah sehari suntuk bertugas dan juga untuk memastikan mereka tidak hilang minat untuk menjawab soalan-soalan yang hendak dikemukakan.

Sungguh pun begitu, terdapat juga responden yang meminta supaya pengkaji datang di sebelah petang, iaitu selepas selesai waktu persekolahan. Hal ini disebabkan kerana mereka merasa pada waktu tersebut mereka lebih selesa dan berupaya untuk menjawab soalan dengan tenang kerana kebanyakan urusan sudah selesai.

### **Semasa temu bual**

Pengkaji memastikan beberapa perkara semasa temu bual berlangsung. Antaranya ialah suara pengkaji semasa temu bual bernada rendah, tidak menekan responden supaya menjawab dan tidak mempengaruhi responden

dengan ‘*prompts*’ daripada pengkaji. Semua ini adalah bagi memastikan responden memberi jawapan berdasarkan pengetahuan dan kefahaman mereka sendiri. Sungguh pun begitu, pengkaji dapat melihat bahawa tiga daripada responden tetap ragu-ragu semasa menjawab. Mereka kerap menggunakan interjeksi seperti “hmm...”, “aaa...” dan “apa orang kata tu...” dalam jawapan mereka. Pengkaji berpendapat keadaan tersebut berlaku besar kemungkinan ada kaitan dengan pengalaman singkat mereka dalam jawatan terbabit (contohnya baru naik pangkat memegang jawatan), sekolah responden yang berkenaan terkenal sebagai sekolah bermasalah disiplin, dan dalam satu kes responden yang ditemu bual ialah Penolong Kanan 1, yang selalunya tidak terlibat dalam hal ehwal disiplin. Responden ini terpaksa menggantikan Pengetuanya yang kebetulan semasa itu tidak dapat memenuhi temu janji kerana terpaksa memastikan sekolahnya bersedia untuk menjalankan peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia pada keesokan harinya. Hampir kesemua sesi temu bual memakan masa satu jam hingga dua jam kecuali satu sesi yang memakan masa hanya lebih kurang 45 minit. Temu bual yang paling singkat ini berlangsung dengan Pengetua wanita yang baru bertukar ke sebuah sekolah yang terkenal bermasalah disiplin. Beliau bersikap agak ‘*defensive*’ sepanjang sesi temu bual dan menjawab dengan cepat semua soalan seolah-olah mahu memastikan sesi itu berakhir pantas. Walaupun begitu, pada akhir sesi beliau telah bermurah hati memberi pandangannya tentang faktor-faktor yang dapat memperbaiki tahap disiplin apabila pengkaji memberitahu bahawa jawapan-jawapannya dapat membantu pengkaji membuat cadangan penyelesaian kepada masalah kajian.



Daripada keseluruhan 16 buah sekolah yang telah dijadikan sampel, di empat buah sekolah sahaja pengkaji tidak menemu bual Pengetua sebaliknya menemu bual Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan di sebuah sekolah pengkaji menemu bual Penolong Kanan 1(Akademik). Selainnya pengkaji dapat menemu bual Pengetua sendiri dan di tiga buah sekolah daripadanya pengkaji menemu bual Pengetua dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid secara serentak.

Pengkaji merasa bahawa sesi temu bual yang dijalankan telah banyak memberi manfaat kepada kajian dan juga kepada responden kerana sebelum ini, para pentadbir sekolah seakan-akan '*take for granted*' bahawa mereka tahu apa yang harus mereka lakukan. Sebaliknya, apabila disoal secara terperinci, mereka sedar bahawa terdapat ruang kosong atau '*loopholes*' dalam sistem kawalan disiplin di sekolah mereka. Ada juga responden yang berpendapat bahawa soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji dapat mereka gunakan sebagai senarai semak semasa mereka menjalankan tugas mereka. Sebagai contoh, dua orang Pengetua meminta salinan soalan berstruktur yang pengkaji gunakan semasa temu bual sebagai bahan rujukan untuk mereka gunakan dalam perbincangan peringkat pentadbiran sekolah mereka. Mereka berminat untuk mengkaji sendiri sistem yang mereka gunakan di sekolah mereka. Sementara empat orang Pengetua lain pula meminta supaya pengkaji memberi ringkasan dapatan kajian ini sebagai rujukan mereka. Seorang Pengetua yang baru memegang jawatan pula meminta pengkaji menghuraikan hasil-hasil kajian yang telah pengkaji baca terutama yang menyatakan cara memperbaiki disiplin kelas sebagai panduan kepadanya sambil beliau pula yang mengambil

catatan dalam sesi tersebut! Memandangkan beliau yang merupakan sahabat pengkaji mungkin menjadi faktor mengapa beliau tidak merasa segan untuk bertanya dan bertukar-tukar pendapat dengan pengkaji.

### **Pasca sesi temu bual**

Pengkaji dapat merumuskan beberapa perkara selepas menjalankan sesi-sesi temu bual tersebut. Pertama, tahap pengetahuan responden dan pengalaman mereka sebagai pentadbir sekolah dapat dilihat daripada reaksi mereka kepada soalan-soalan yang diajukan. Sebagai contoh, reaksi responden lebih baik dan bersahaja serta tenang apabila responden tersebut seorang yang berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran sekolah dan memang tahu tentang tatacara yang patut digunakan apabila berlaku salah laku pelajar. Mereka selalunya akan memberi jawapan yang komprehensif, disertakan dengan contoh-contoh serta huraian mengapa mereka mengambil sesuatu tindakan itu. Apabila selesai setiap soalan dan pengkaji mengulang jawapan mereka untuk mereka persetujui, mereka hanya akan mengiyakan jawapan awal mereka yang sememangnya sudah agak menyeluruh.

Ini adalah berbeza dengan responden yang kurang berpengalaman atau kurang pengetahuan tentang apakah tatacara tindakan disiplin yang sepatutnya mereka ambil apabila berlaku kes-kes salah laku. Responden seperti ini akan memberi jawapan dengan pantas, cepat bersetuju atau tidak bersetuju, dan akan mengubah jawapan mereka apabila pengkaji membaca semula jawapan mereka sebagai '*cross-check*' untuk persetujuan mereka. Terdapat seorang

Pengetua yang baru menjawat jawatannya, memberi jawapan bahawa dia akan selalu menghubungi pegawai yang lebih atas darinya, seperti Pegawai Pendidikan Daerah atau bekas Pengetua sekolahnya sebelum mengambil sebarang tindakan bagi kes salah laku yang berlaku di sekolahnya.

Bagi memastikan kebolehpercayaan jawapan-jawapan yang telah diterima daripada responden, pengkaji melakukan prosedur '*member checking*' seperti yang disarankan oleh Gall et al (Leedy, 1997).

Kedua, responden yang tahu faktor-faktor penyumbang kepada salah laku disiplin pelajar akan tenang semasa memberitahu tentang situasi disiplin pelajar-pelajarnya dan prinsip-prinsip yang dipegang oleh pihak sekolahnya dalam mengambil tindakan disiplin. Responden seperti ini tidak khuatir dengan persepsi masyarakat kerana mereka tahu bahawa mereka telah melakukan yang terdaya oleh mereka untuk mengawal keadaan. Sebaliknya pula terdapat seorang responden yang seakan marah dan menyalahkan berbagai pihak terutama ibu bapa dan masyarakat sekeliling dan berkata bahawa guru-guru dan sekolah mempunyai beban yang sudah cukup berat untuk dipikul tanpa ditambah dengan hal-hal masalah disiplin pelajar. Pengkaji berpendapat responden yang sebegini mungkin kurang berpengalaman dan sememangnya responden yang berkenaan baru ditukarkan ke sekolah tersebut yang agak dikenali sebagai sekolah bermasalah. Beliau mungkin menyangka pengkaji hendak menyalahkan pentadbirannya. Berhadapan dengan responden ini, pengkaji menunjukkan sikap simpati kepada beban yang ditanggung olehnya sebagai pentadbir sekolah tersebut. Pengkaji dapat lihat reaksinya berubah setelah beliau merasa yakin bahawa

pengkaji bukan bertujuan mencari salahnya. Responden ini banyak menjawab hanya 'ya' atau 'tidak' kepada soalan-soalan awal pengkaji tanpa memberi huraian atau penjelasan kepada jawapannya itu. Namun begitu, pengkaji dapat melihat daripada maklum balas dan huraian yang diberikan bahawa sebahagian besar responden yang ditemu bual sedar tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada salah laku pelajar.

Ketiga, persepsi masyarakat bahawa kewibawaan seseorang Pengetua dapat mempengaruhi pentadbiran dan perjalanan sekolah sememangnya berasas. Hal ini juga bersesuaian dengan dapatan kajian Olsen (1997) yang mendapati faktor Guru Besar merupakan faktor utama sekolah kawalannya mempunyai disiplin yang baik.

Situasi ini dapat dilihat semasa sesi-sesi temu bual dijalankan di sekolah-sekolah yang berkenaan. Persekitaran di sekolah-sekolah yang mempunyai Pengetua berdisiplin tinggi sentiasa kemas dan ceria, kelas-kelas berjalan lancar dan pelajar-pelajar yang ditemui di sepanjang kaki lima memberi salam hormat kepada tetamu atau guru yang berselisih dengan mereka. Imej dan reputasi sekolah di kalangan warga pendidikan juga adalah baik.

Sebagai contoh, salah seorang Pengetua wanita yang merupakan responden telah dihantar ke sebuah sekolah yang suatu masa dahulu terkenal dengan sifat samseng pelajar-pelajarnya, berleluasa masalah pelajar ponteng sekolah dan taraf pencapaian akademik pelajar yang tidak begitu baik. Tetapi selepas dua tahun Pengetua tersebut berada di sekolah itu, beliau telah memperbaiki pagar sekolah supaya tidak mudah orang luar dan pelajar sekolah keluar masuk sebagai usaha pertama menghalang aktiviti samseng. Beliau telah memastikan

hukuman rotan dikuatkuasakan apabila salah laku pelajar membenarkan hukuman rotan dijalankan. Beliau melantik seorang guru disiplin lelaki untuk menjalankan hukuman rotan supaya pelajar yang hendak dihukum tidak meremehkan hukuman rotan tersebut. Beliau juga memastikan waris lebih bertanggung jawab terhadap kehadiran pelajar dengan menggantung persekolahan pelajar yang banyak mendatangkan masalah. Beliau berkata bahawa beliau sedar pelajar bermasalah juga wajar diberi peluang bersekolah. Namun beliau tidak mahu mengkompromi ketenteraman majoriti pelajarinya dengan membenarkan segelintir pelajar bermasalah mengganggu kelas sehingga pelajar lain tidak boleh belajar. “Pelajar-pelajar yang tidak mahu belajar, tidak payahlah datang. Kalau datang pun, mereka hanya akan mengganggu pelajar lain, mengganggu guru-guru dan menimbulkan lebih masalah” katanya kepada pengkaji sebagai memberi rasional tindakannya. Beliau akan memastikan pelajar-pelajarinya yang bermasalah dan suka ponteng, jika masih mahu datang ke sekolah, hendaklah menandatangani surat perjanjian untuk datang ke sekolah dan berusaha belajar. Sementara ibu bapa pelajar terbabit juga diminta menandatangani surat tersebut sebagai jaminan memastikan anak-anak mereka tidak ponteng dan pelajaran anak-anak mereka akan diawasi semasa di rumah. Pengetua yang praktikal seperti ini tidak ramai, tetapi usahanya nyata berkesan apabila sekolah tersebut sudah mula tidak disebut sebagai sekolah samseng dan pencapaian akademik pelajarinya meningkat. Begitu juga dengan beberapa Pengetua lain yang juga berwibawa, keadaan sekolah bertambah ceria, pelajar-pelajar berada dalam kelas dengan tertib dan proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dapat dilakukan.

Keempat, pengetua-pengetua yang prihatin, penyayang, mempunyai prinsip teguh dalam menjalankan tugas nyata dapat memahami situasi sekolah mereka dan dapat mengatur berbagai strategi tindakan untuk memperbaiki prestasi akademik dan disiplin. Namun, tugas mengawal tingkah laku pelajar tidaklah dipikul oleh Pengetua seorang. Rata-rata Pengetua yang ditemu bual agak kecewa kerana masih ada sebilangan kecil guru di sekolah mereka yang bersikap sambil lewa dalam membantu mengawal tingkah laku pelajar. Seorang Pengetua di sebuah sekolah hampir pinggir bandar Alor Setar meletakkan sikap guru sebagai faktor utama menarik minat pelajar untuk datang ke sekolah. Beliau menyatakan bahawa jika guru menunjukkan sikap acuh tak acuh semasa mengajar, maka pelajar akan bersikap acuh tak acuh belajar. Jika guru tidak berdisiplin, datang lewat ke sekolah, ponteng kelas dan berpakaian tak kemas maka pelajar pun akan sedemikian juga. Di samping itu, hampir semua pengetua berpendapat masih ada guru yang tidak faham tentang tatacara tindakan disiplin diambil, mengapa sesuatu tindakan disiplin diambil dan kenapa dalam kes-kes tertentu tiada tindakan diambil.

Pengetua-pengetua yang menjadi responden memberi maklum balas bahawa soalan pengkaji yang menyiasat sama ada orientasi guru diadakan setiap awal tahun merupakan satu perkara yang patut mereka lakukan di sekolah mereka secara rasmi. Buat masa ini, penerangan mereka kepada guru kerap kali berbentuk tidak formal, disebut sekali sekala malah kadang kala tidak disentuh langsung hal-hal tindakan disiplin kerana menyangka kurang perlu diketahui oleh semua guru. Semasa sesi temu bual yang menyentuh soalan adakah terdapat guru yang tidak puas hati dengan tindakan disiplin ke atas pelajar,

kesemua responden yang menjawab 'ya' memberi jawapan bahawa guru-guru yang tidak berpuas hati itu disebabkan oleh faktor mereka (guru) tidak faham akan situasi sebenar pelajar bermasalah atau tidak faham prosedur tindakan disiplin ke atas pelajar yang membuat salah laku.

Menurut lapan orang Pengetua yang ditemu bual, terdapat masalah salah laku pelajar yang kadangkala berpunca daripada guru dan kelemahan kawalan kelas oleh guru. Selain itu, pengetua-pengetua yang menjadi responden juga menyatakan bahawa kadang kala guru-guru tidak tahu dalam kes apa tindakan disiplin boleh diambil terhadap pelajar. Selain itu, mereka juga memberitahu bahawa ada juga guru yang mengikut emosi dan menjalankan hukuman sendiri, di mana hukuman-hukuman tersebut lebih berbentuk deraan dan hinaan. Sebagai contoh, mengetuk kepala pelajar, menyuruh pelajar berdiri di tengah panas atau menyuruh pelajar berdiri di atas meja sepanjang waktu kelas.

Oleh itu, pengetua-pengetua ini bersetuju sekiranya satu sesi orientasi yang kemas dan tersusun diadakan untuk guru-guru, di mana penjelasan dapat diberikan kepada mereka tentang apakah tatacara yang mesti diikuti semasa tindakan disiplin diambil dan bentuk-bentuk hukuman yang boleh dikenakan. Ini pastinya dapat mengelak daripada guru-guru melakukan sesuatu yang kelak tidak dapat dipertahankan oleh Pengetua. Sebagai contoh, di salah sebuah sekolah, seorang guru disiplin sesi petang menumbuk pelajar lelaki tingkatan satu. Guru tersebut berkata bahawa beliau mengambil tindakan tersebut kerana pelajar itu tidak endahkan arahannya supaya pelajar kelas berkenaan mengutip sampah. Apabila pelajar tersebut mengadu kepada

warisnya yang datang ke sekolah pada keesokan harinya, Pengetua berkata bahawa dia tidak menyokong tindakan guru terbabit. Pengetua di sini menyatakan bahawa walau pun guru itu guru disiplin, tetapi tidak ada peruntukan dalam peraturan bahawa guru boleh menumbuk pelajar. Beliau meminta guru tersebut meminta maaf kepada waris pelajar berkenaan kerana katanya jika pelajar atau warisnya membuat aduan polis, beliau (Pengetua) tidak akan mempertahankan tindakan guru tersebut. Di sini jelas emosi guru disiplin terbabit mempengaruhi tindakannya. Pengetua sekolah tersebut yang sememangnya terkenal dengan disiplin tinggi dan ketegasannya berkata, beliau bersetuju jika penjelasan kepada guru diadakan dengan lebih menyeluruh dan tersusun, guru akan lebih beringat semasa menjalankan tugas supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh membawa akibat buruk.



## **Analisis kajian**

Hasil daripada temu bual yang telah dijalankan dan dengan mengambil peratusan untuk melihat bilangan responden kepada soalan-soalan yang dikemukakan, berikut dinyatakan analisis yang didapati.

*Bagi mengenalpasti garis-garis panduan yang digunakan oleh pihak sekolah dalam mengambil tindakan disiplin terhadap pelajar:*

- a. tiga buah sekolah menggunakan dua bahan rujukan, tujuh buah sekolah menggunakan tiga bahan rujukan, empat buah sekolah menggunakan empat bahan rujukan dan sebuah sekolah menggunakan lima bahan rujukan. Sementara itu, sebuah sekolah menyatakan bahawa tiada bahan rujukan khusus yang digunakan di sekolahnya, sebaliknya setiap kes disiplin dibincangkan dalam jawatankuasa disiplin sekolah. Bagi responden terakhir ini, tidaklah menghairankan beliau tidak memberi sebarang bahan rujukan tindakan disiplin kerana beliau merupakan Penolong Kanan 1 (Hal Ehwal Akademik) dan ini mungkin sebabnya beliau tidak dapat menyatakan dengan khusus nama-nama rujukan yang selalu digunakan dalam mengendalikan kes-kes disiplin di sekolahnya.
- b. 75% responden memberikan dua jenis bahan rujukan yang paling banyak digunakan iaitu Buku Panduan Tatacara Disiplin Bagi Guru Besar dan Guru terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Buku-buku Peraturan Sekolah masing-masing. 50% responden memberi maklum balas menggunakan pekeliling-pekeliling ikhtisas yang

dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai panduan ketika mengambil tindakan disiplin. Sementara itu, 31% menyatakan bahawa mereka juga menggunakan pengalaman mereka sebagai guru dan pentadbir ketika menimbang kes-kes salah laku disiplin sebelum sebarang tindakan diambil atau ketika tindakan sedang diambil.

Seperkara yang dapat dilihat daripada analisis ini ialah daripada 16 buah sekolah, 12 responden menyebut tentang Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru dan empat responden tidak menyebut buku panduan ini. Setelah dianalisis secara terperinci, empat responden yang tidak menyebut tentang Buku Panduan tersebut merupakan seorang Penolong Kanan 1, seorang Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, seorang Pengetua yang baru memegang jawatan Pengetua dan seorang Pengetua yang baru balik daripada mengajar sebelum sesi temu bual diadakan. Oleh yang demikian pengkaji membuat rumusan bahawa Buku Panduan ini sememangnya merupakan rujukan utama setiap Pengetua yang tahu tatacara yang patut mereka ikuti ketika mengendalikan kes-kes disiplin. Hanya responden yang kurang berpengalaman, atau kurang kefahaman, atau yang tidak pasti kehendak soalan pengkaji sahaja yang tidak memberi rujukan terbitan Kementerian Pendidikan ini.

***Bagi mengenalpasti jenis salah laku disiplin yang menyebabkan budi bicara banyak digunakan oleh pihak Pengetua atau pentadbir sekolah.***

- a. Semua responden (100%) memberi jawapan bahawa budi bicara mesti digunakan dalam mengendalikan setiap kes salah laku pelajar.
- b. 56% memberikan kesalahan-kesalahan kecil sebagai jenis kesalahan di mana budi bicara digunakan, 19% memberikan ponteng sekolah sebagai jenis kesalahan di mana budi bicara digunakan, 13% memberikan kesalahan yang tiada dalam buku peraturan atau tidak dinyatakan sebagai kesalahan yang memerlukan budi bicara, dan kesalahan sosial serta kesalahan berpakaian diberikan sebagai jenis kesalahan yang memerlukan budi bicara pihak pentadbir sekolah oleh 12% responden yang lain.
- c. Berbagai sebab diberikan sebagai maklum balas bagi justifikasi penggunaan budi bicara. Setiap responden memberi lebih daripada tiga sebab penggunaan budi bicara. 56% maklum balas menyebut mahu memberi peluang kepada pesalah laku supaya memperbaiki diri dan menyesali kesalahan yang telah mereka lakukan. 44% mahu memastikan keadilan diberikan terhadap setiap pesalah laku. 31% ingin menjadikan penggunaan budi bicara sebagai didikan kepada pelajar supaya dapat menjadi warga masyarakat yang berguna. 25% pula menyentuh penggunaan budi bicara perlu dalam kes-kes di mana pesalah laku merupakan pelajar yang mempunyai rekod yang baik, tetapi hanya melakukan kesalahan kecil untuk pertama kali.

Sebagai rumusan dapatlah dikatakan bahawa setiap responden sama ada yang baru, kurang berpengalaman atau yang banyak pengalaman, masing-masing berpegang kepada prinsip memberi keadilan kepada pelajar yang melakukan kesalahan terutama yang membabitkan kesalahan-kesalahan kecil atau yang tidak dinyatakan dengan jelas di mana-mana buku peraturan. Kesemuanya bersetuju budi bicara patut digunakan dan ini adalah selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia, agar sekolah menjadi tempat mendidik generasi masa depan dalam suasana penyayang. Pertimbangan yang diberikan hanya kepada bentuk-bentuk kesalahan kecil juga patut diberi pujian kerana ini menunjukkan bahawa kesemua responden nyata tidak menyebut kes-kes kesalahan berat sebagai jenis kesalahan yang boleh digunakan budi bicara.

Walaupun kadangkala penggunaan budi bicara Pengetua dan hukuman ringan yang dikenakan kepada pelajar ada menimbulkan kontroversi, hampir kesemua responden menyatakan bahawa sekiranya penjelasan diberikan kepada pihak yang tidak berpuas hati, mereka akan dapat menerima keputusan pihak pentadbir. Sebagai contoh, pihak guru mungkin tidak berpuas hati dengan hukuman '*teguran*' ke atas pelajar yang tidak mematuhi arahannya setelah diadakan kepada pihak pentadbir sekolah. Hal ini timbul kerana pada guru terbabit, pelajar ini telah biadap terhadapnya. Tetapi pada pandangan pihak pentadbir pula, guru ini telah tidak dapat mengawal keadaan kelas dengan baik, tidak memberi arahan dengan jelas atau tidak memahami situasi pelajar-pelajar kelas tersebut sehingga timbul masalah pelajar tidak mematuhi arahannya. Oleh itu, teguran daripada pihak pentadbir kepada pelajar yang diadakan sudah memadai sebagai hukuman. Situasi guru tidak faham tindakan

pihak sekolah ini menurut salah seorang responden selalunya akan dibiarkan dahulu, dan beliau akan menggunakan contoh tersebut dalam suatu waktu pertemuan dengan guru-guru sebagai memberitahu kedudukan dan prinsip pihak pentadbir sekolah dalam kes-kes yang serupa.

***Bagi membincangkan amalan penurunan kuasa seperti yang diamalkan di institusi-institusi pendidikan terbabit.***

- a. 100% responden menyatakan bahawa kuasa untuk menjalankan sebarang hukuman diperturunkan secara bertulis supaya dapat direkodkan. Dalam kes penurunan kuasa kepada Penolong-penolong Kanan, ia sudah termaktub dalam senarai tugas mereka apabila dilantik sebagai Penolong Kanan. Dalam kes penurunan kuasa kepada Kaunselor, Guru Disiplin atau Pengawas, ia mungkin direkodkan secara individu atau dalam minit-minit mesyuarat.
- b. 100% responden menyatakan bahawa sekiranya hukuman rotan hendak dijalankan, hukuman itu mesti dilakukan di dalam bilik dan bersaksi. 69% responden menyatakan bahawa Penolong Kanan 1(Akademik) di sekolah mereka diberi kuasa oleh Pengetua untuk menjalankan hukuman rotan terutama sekiranya Pengetua atau Penolong Kanan Hal Ehwal Murid tiada di sekolah. 25% menyatakan bahawa Penolong Kanan 1 tidak digalakkan menjalankan hukuman rotan di sekolah mereka sebaliknya diminta memberi tumpuan kepada hal ehwal kurikulum dan 6% responden pula menyatakan bahawa di sekolahnya, tiada siapa pun digalakkan merotan sebagai hukuman kerana pentadbir sekolah itu berpegang kepada prinsip menunjukkan kasih sayang

kepada pelajar bagi membentuk mereka menjadi insan yang lebih baik. Pengetua sekolah tersebut sendiri hanya akan merotan dalam kes yang sangat berat sahaja.

- c. 100% responden menyatakan bahawa Kaunselor lebih berfungsi untuk memberi bimbingan dan nasihat kepada pelajar dan bukannya untuk menjalankan hukuman terutamanya hukuman merotan. Pada pandangan sebahagian besar responden, sekiranya Kaunselor juga diberi tugas merotan, maka pelajar mungkin merasa sukar bertemu Kaunselor untuk bimbingan, nasihat atau pun untuk meluahkan perasaan mereka.
- d. 100% responden menjawab bahawa pengawas pula hanya dibolehkan menjalankan tugas-tugas hukuman yang sangat ringan seperti mendenda pelajar yang datang lewat ke sekolah, pelajar yang lewat ke perhimpunan mingguan dan yang seperti itu. Dalam kes menjalankan hukuman ini, pengawas bertindak sebagai pelaksana atau penguatkuasa peraturan sahaja dan mereka tidak dibenarkan bertindak lebih daripada batas kuasa yang telah diperuntukan kepada mereka.
- e. 100% responden tidak membenarkan seorang pelajar lain menjalankan sebarang hukuman ke atas sesama pelajar yang telah melakukan kesalahan ke atasnya.

Melihat kepada analisis di atas, dapatlah dikatakan bahawa kesemua responden telah memahami dan melakukan yang terbaik bagi sekolah mereka dari segi penurunan kuasa menjalankan hukuman termasuk hukuman rotan. Semua responden faham akan fungsi setiap personel di sekolah masing-

masing dan dalam keadaan yang sangat kritikal sahaja, hukuman rotan dijalankan sebagai langkah mengawal salah laku pelajar daripada berleluasa.

***Bagi membincangkan amalan peraturan disiplin dan membandingkannya dengan jumlah kes salah laku pelajar di institusi pendidikan terbabit.***

- a. 100% responden mempunyai sesi orientasi yang dijalankan secara rasmi untuk pelajar-pelajar yang dilakukan di awal tahun, khusus untuk pelajar-pelajar yang baru bertukar masuk ke sekolah itu di mana peraturan sekolah dimaklumkan kepada pelajar-pelajar tersebut.
- b. 100% responden mempunyai sesi orientasi tak formal untuk guru-guru yang baru bertukar ke sekolah mereka, di mana peraturan sekolah dimaklumkan kepada guru-guru tersebut.
- c. Semua responden tidak dapat memberi dengan tepat berapa kali setahun sesi peringatan semula tentang peraturan sekolah diberikan kepada semua guru dan pelajar yang sedia ada dalam daftar sekolah. Jawapan responden berbeza-beza, daripada 2 kali setahun sehingga 40 kali setahun. Hal ini timbul kerana tiada sebarang sesi peringatan khusus diatur oleh pihak pentadbir sekolah. Menurut responden, pihak pentadbir sekolah akan menyentuh tentang hal-hal peraturan sekolah dalam mesyuarat-mesyuarat staf dan perhimpunan-perhimpunan mingguan.
- d. Semua responden memberi bilangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin yang sangat kecil iaitu dalam lingkungan antara 0.5% - 2% yang berlaku di sekolah mereka. 100% responden menyatakan bahawa kebanyakan kes yang direkod membabitkan pelajar yang sama,

dan pelajar-pelajar tersebut selalunya, walaupun tidak semuanya- daripada kelas-kelas yang tercorot. Masalah disiplin yang paling banyak direkod ialah masalah ponteng sekolah, masalah merokok dan masalah berpakaian tidak kemas.

- e. 38% responden menyebut bahawa di sekolah mereka terdapat pelajar-pelajar yang sangat kerap melakukan kesalahan disiplin. Bilangan pelajar-pelajar ini berbeza iaitu daripada 10 orang di sebuah sekolah hinggalah kepada hampir 30 orang di sebuah sekolah lain. Latar belakang sosio-ekonomi keluarga, tekanan rakan sebaya dan kurang kawalan ibu bapa disebut oleh responden-responden sebagai antara sebab pelajar-pelajar ini sukar di'pulihkan' supaya mematuhi peraturan sekolah.

Melalui analisis di atas, pengkaji merumuskan bahawa secara amnya sekolah-sekolah di sekitar Alor Setar tidak menghadapi masalah salah laku disiplin yang terlalu berat. Namun begitu, ini tidak bermakna pelajar-pelajar sekolah di sekitar bandar ini tidak melakukan kesalahan-kesalahan disiplin, hanya mungkin mereka melakukannya di luar kawasan sekolah, maka ia tidak termasuk dalam bidang kajian ini.

Maklum balas yang diberikan oleh responden secara amnya menunjukkan bahawa walau pun suasana di sekolah mereka tidak sempurna, ia tidaklah terlalu teruk sehingga menjejaskan *core business* mereka iaitu proses Pengajaran dan Pembelajaran. Dapatan analisis ini adalah selari dengan pemerhatian pengkaji sendiri, iaitu keadaan di sekolah-sekolah yang dilawati semasa temu bual dilakukan sememangnya agak terkawal.



## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **Rumusan**

Kajian yang dijalankan bertujuan mengkaji tatacara dan sistem yang digunakan bagi mengawal tingkah laku pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah dalam Alor Setar.

Di awal penulisan ini, pengkaji telah mengutarakan pernyataan masalah yang menyoal mengapa salah laku disiplin masih melanda pelajar-pelajar sekolah menengah sedangkan berbagai faktor telah dikenal pasti sebagai punca-punca yang mendorong timbulnya masalah disiplin tersebut. Berbagai karya telah ditulis namun tidak banyak kajian yang khusus dibuat bagi menilai keberkesanan tatacara dan sistem kawalan tingkah laku seperti yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah.

Melalui kajian ini, pengkaji telah menemu bual pihak pentadbir sekolah-sekolah menengah dalam Alor Setar untuk melihat sistem kawalan gelagat dan tatacara tindakan disiplin yang digunakan di sekolah-sekolah mereka. Hasil temu bual tersebut digunakan untuk mengkaji adakah sistem yang digunakan di sekolah-

sekolah tersebut berkesan mengawal salah laku pelajar seterusnya menghadkan bilangan salah laku disiplin pada paras yang minima.

Pengkaji membataskan kajian kepada sekolah-sekolah menengah dalam Alor Setar sahaja untuk memudahkan tafsiran data dibuat kerana sekolah-sekolah dalam kawasan yang sama dijangka terdedah kepada faktor-faktor sosio-ekonomi, pengaruh budaya dan nilai-nilai masyarakat yang hampir sama. Selain itu, sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah bandar juga mempunyai kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran, saiz sekolah dan nisbah guru kepada pelajar yang hampir sama.

Kajian yang memakan masa hampir dua bulan telah membawa pengkaji masuk ke kawasan sekolah-sekolah terbabit dan pengkaji telah dapat melihat situasi dan merasai iklim sekolah-sekolah tersebut. Dapatan pengkaji telah menunjukkan bahawa secara amnya sekolah-sekolah yang dilawati mengamalkan tatacara dan sistem kawalan gelagat yang berkesan. Para pentadbir kesemuanya mempunyai pendekatan yang hampir sama dalam mengawal disiplin, iaitu mengutamakan pendekatan kemanusiaan (*humanistic approach*), cuba memahami latar belakang pelajar dan mengaplikasi pengetahuan dan budi bicara semasa mempertimbangkan sesuatu kes salah laku sebelum tindakan disiplin diambil. Di samping itu, pendekatan penguatkuasaan melalui tindakan merotan atau menggantung persekolahan juga digunakan dalam situasi-situasi yang memerlukan tindakan tersebut diambil demi memelihara keharmonian iklim

sekolah, sejajar dengan peruntukan dalam Buku Panduan Tatacara Disiplin terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia (1988).


Sebilangan besar jenis salah laku pelajar yang dihadapi oleh sekolah-sekolah yang dikaji berkisar kepada masalah ponteng sekolah. Masalah disiplin ini kebanyakannya berpunca daripada diri pelajar sendiri atau desakan kesempitan hidup dan latar belakang keluarga. Semua responden yang telah ditemu bual menyatakan bahawa dalam masalah ponteng sekolah, mereka lebih banyak menggunakan budi bicara kerana salah laku tersebut lebih bersifat personal dan tidak secara langsung mengganggu keharmonian sekolah dan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, seorang Pengetua yang ditemu bual meletakkan tanggungjawab menarik minat pelajar ke sekolah melalui keprihatinan dan sikap penyayang guru sebagai cara mengatasi masalah pelajar ponteng sekolah.

Hasil daripada analisis ke atas dapatan kajian, dapatlah dilihat bahawa kelemahan utama dalam sistem kawalan gelagat dan pelaksanaan tatacara tindakan disiplin di sekolah-sekolah yang dikaji lebih banyak berpunca daripada kurang pengetahuan dan kefahaman guru berbanding kurang pengetahuan dan kefahaman pentadbir. Secara keseluruhannya, semua responden yang merupakan pentadbir dan personel yang terlibat secara langsung dengan tindakan disiplin ke atas pelajar tahu akan tatacara dan tindakan-tindakan yang wajar diambil dalam setiap kes salah laku pelajar. Tetapi, kefahaman dan pengetahuan yang sama tidak sampai kepada guru-

guru biasa, sedangkan mereka inilah yang lebih kerap berinteraksi dan berdepan secara langsung dengan kerendah pelajar berbanding pentadbir sekolah.

Hal ini diakui sendiri oleh hampir semua responden yang menyatakan bahawa *tiada sesi khusus* tentang peraturan sekolah dan peruntukan Kementerian Pendidikan bersangkutan tatacara dan tindakan disiplin telah diberikan kepada guru-guru sebagai usaha mempersiapkan mereka bagi membantu mengawal disiplin pelajar. Oleh itu, para guru berkemungkinan mengambil tindakan yang tidak wajar ketika mendisiplin pelajar semasa dalam kelas. Hal seperti ini telah berlaku di Sekolah Menengah Kob, Kulim Kedah pada 15 Mac 2000 lalu di mana seorang guru Bahasa Tamil telah mendenda beberapa orang pelajar yang mendapat markah yang rendah supaya membuat '*sit-up*' sebanyak 44 kali sehingga tulang pinggul salah seorang pelajar tersebut terkeluar dan menyebabkannya terpaksa dimasukkan ke wad hospital (The Star, 29 April 2000).

Hasil daripada kajian yang dibuat juga menunjukkan terdapat keperluan supaya para guru dilengkapi dengan pengetahuan tentang tatacara dan tindakan disiplin yang boleh mereka ambil ketika mengawal disiplin. Jika diimbaz kembali model IPO yang dikemukakan di awal penulisan ini, pengkaji menyatakan bahawa terdapat berbagai input (I) yang dimasukkan ke dalam sistem kawalan gelagat di sekolah-sekolah, Input-input tersebut terdiri daripada Buku-buku Panduan Kementerian Pendidikan, arahan-arahan pekeliling ikhtisas, peraturan-peraturan sekolah, bimbingan guru tentang nilai-nilai dan norma masyarakat.



Pengkaji mendapati bahawa Input yang telah diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan sememangnya sudah memadai dan cukup luas untuk dijadikan panduan kepada para pentadbir ketika menjalankan tugas mengawal disiplin pelajar di sekolah-sekolah. Sebaliknya, aspek yang perlu diberi perhatian ialah input yang terdiri daripada bimbingan kepada guru tentang menjalankan kawalan disiplin. Kekurangan input ini menjadi ketara dalam peringkat Proses- iaitu proses pelaksanaan kawalan tingkah laku dan disiplin. Guru-guru yang kekurangan bimbingan dan panduan lebih terdedah kepada kemungkinan mengambil tindakan yang terburu-buru dan melampau semasa mendisiplin pelajar.

Para pentadbir yang diberi bimbingan dan pendedahan secukupnya tentang tatacara dan prosedur tindakan disiplin merupakan pihak yang jarang-jarang berinteraksi secara langsung dengan pelajar. Umumnya, masa mengajar seorang Pengetua ialah 4 waktu seminggu, sementara masa mengajar seorang Penolong Kanan ialah 8 waktu seminggu. Sebaliknya masa mengajar seorang guru biasa ialah hampir 21 waktu seminggu. Oleh itu, sewajarnya guru-guru yang lebih banyak berinteraksi dengan pelajar ini dibekalkan dengan pengetahuan dan

diberikan kefahaman tentang prosedur tindakan disiplin yang betul supaya kes-kes salah laku pelajar dapat mereka tangani dengan betul dan sistem kawalan gelagat di sekolah-sekolah dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi keberkesanannya.

### **Cadangan**

Hasil daripada temu bual dengan responden dan daripada analisis yang dilakukan, pengkaji mencadangkan perkara-perkara berikut:

1. Pihak guru diberi sesi pendedahan khusus tentang garis-garis panduan dan tatacara tindakan disiplin seperti yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia semasa dalam latihan perguruan lagi supaya mereka mempunyai pengetahuan dan mendapat kefahaman awal sebelum mula berkerja di sekolah-sekolah.
2. Pihak guru diberi pendedahan khusus dari semasa ke semasa tentang peraturan-peraturan yang berhubung dengan disiplin pelajar di sekolah supaya mereka tidak lupa dan sentiasa beringat dalam melaksanakan tanggung jawab mereka mengawal tingkah laku pelajar di sekolah.
3. Asas-asas kemahiran kaunseling diberi kepada semua guru dari semasa ke semasa supaya mereka sekurang-kurangnya mempunyai kemahiran untuk

memahami faktor-faktor yang kerap mendorong pelajar melakukan salah laku seterusnya lebih bersedia menerima kerenah pelajar sebelum mengambil tindakan menghukum pelajar.

4. Bengkel-bengkel berhubung kawalan disiplin pelajar diberikan kepada guru-guru dari semasa ke semasa supaya simulasi keadaan dalam kelas dan sekolah dapat diwujudkan dan peserta bengkel dapat berbincang tentang bagaimana menangani situasi-situasi tersebut.
5. Wakil-wakil ibu bapa dijemput untuk turut serta dalam bengkel-bengkel yang mensimulasikan keadaan dalam kelas dan dalam sekolah bagi mewujudkan perbincangan tentang cara-cara menangani masalah disiplin yang ditimbulkan oleh 'anak-anak' mereka.
6. Sistem merekod salah laku pelajar diperkembangkan di sekolah-sekolah supaya ibu bapa dan waris pelajar dapat dipastikan mempunyai maklumat tentang salah laku anak-anak mereka dari awal lagi. Sikap sesetengah ibu bapa yang menyalahkan sekolah apabila tindakan yang berat diambil ke atas anak-anak mereka kadang kala terjadi kerana mereka tidak tahu bahawa anak-anak mereka sudah berkali-kali mendapat amaran dan teguran awal.

7. Pihak pentadbiran sekolah hendaklah seboleh-bolehnya memastikan ketekalan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang sama. Tindakan ini dapat mengelak timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan pelajar dan ibu bapa.
8. Para pelajar diberi peringatan khusus tentang peraturan sekolah melalui sesi orientasi di awal penggal-penggal persekolahan, tidak kira sama ada pelajar tersebut baru mendaftar di sekolah tersebut atau pun mereka merupakan pelajar yang sedia ada dalam daftar sekolah.
9. Para pelajar diberi pujian dalam kelas atau dalam perhimpunan sekolah atas tingkah laku baik supaya timbul minat untuk lebih berkelakuan baik. Pujian mestilah melibatkan seramai individu yang boleh supaya tidak timbul perasaan cemburu di kalangan pelajar-pelajar lain.
10. Para pelajar diberi kepercayaan untuk membuat peraturan kelas sendiri bagi mengawal disiplin kelas mereka dengan bimbingan Guru Tingkatan atau Kaunselor Sekolah. Peraturan kelas dan tindakan disiplin bagi yang melanggar peraturan kelas tersebut hendaklah selari dengan ketetapan dalam peraturan sekolah tetapi gaya bahasa dan ayat-ayat disusun oleh pelajar sendiri.
11. Kelas-kelas Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral digunakan dengan maksima. Dalam kelas-kelas Pendidikan Islam, selain pelajar belajar tentang cara-cara sembahyang dan lain-lain ibadat fardhu, mereka juga patut diberi



pengetahuan tentang kelebihan-kelebihan amalan agama yang mereka lakukan. Sebagai contoh, fadhilat sembahyang berjemaah, fadhilat menuntut ilmu, keutamaan orang yang taat kepada ibu bapa, kelebihan orang-orang yang berbuat kebajikan, bercakap baik, berbudi bahasa dan bersopan santun, menepati waktu, menepati janji serta lain-lain lagi. Kesemua ini boleh menimbulkan kesedaran tentang kepentingan kekuatan rohani dan seterusnya mengelakkan pelajar daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Bagi pelajar-pelajar bukan Islam, mereka hendaklah diberi pendedahan tentang apakah nilai-nilai murni dan norma-norma masyarakat yang harmonis dan berdisiplin. Guru-guru Pendidikan Moral wajar memberi galakkan supaya pelajar-pelajar mereka mempraktikkan nilai-nilai yang telah dipelajari. Hal ini amat perlu kerana bagi kebanyakan pelajar bukan Islam, kepercayaan agama mereka tidak menyatakan tentang aspek halal haram atau dosa pahala. Mereka bebas melakukan apa sahaja tanpa bimbang akan balasan Tuhan. Maka mereka ini patut diberi bimbingan yang jelas tentang nilai-nilai murni dan norma-norma masyarakat supaya pegangan tersebut dapat menghindarkan mereka daripada terjebak dengan masalah salah laku dan masalah jenayah yang lebih besar.

12. Agensi-agensi luar seperti pihak Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penerangan dan Jabatan Belia dan Sukan dilibatkan untuk menyampaikan sendiri berbagai maklumat kepada pelajar. Hal ini boleh membuka mata pelajar bahawa sesuatu tingkah laku buruk itu akan

membahayakan dan merugikan mereka sendiri, sementara tingkah laku yang baik dan sihat akan memberi kepuasan dan keseronokan.

Apa yang pasti daripada semua pandangan, cadangan dan kejadian-kejadian salah laku pelajar yang semakin meruncing sejak akhir-akhir ini ialah isu disiplin merupakan satu isu yang mesti ditangani secara teliti dan bersepadu. Ia tidak boleh diletakkan hanya kepada satu pihak sahaja, malah ia melibatkan kesungguhan daripada berbagai lapisan masyarakat. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan mestilah mengeluarkan satu garis panduan yang jelas untuk diikuti dan diyakini oleh pihak guru. Kursus-kursus tentang cara-cara menghadapi pelajar bermasalah perlu diberikan kepada guru-guru dan bakal guru sebagai salah satu persediaan bagi menjalankan tugas perguruan. Pihak sekolah yang terdiri daripada pentadbir dan guru-guru pula mestilah meningkatkan komitmen dan kecekapan mereka untuk memastikan sekolah mereka mempunyai sistem kawalan yang tekal, telus dan berkesan mendisiplinkan pelajar. Para guru merupakan pihak yang lebih banyak berinteraksi dengan pelajar, maka lebih wajarlah mereka diberi panduan berterusan dan sokongan agar mereka tidak merasa seolah-olah mereka terlalu terbeban dengan tugas-tugas sekolah. Pihak pentadbir sekolah pula hendaklah sentiasa memantau pelaksanaan disiplin di sekolah-sekolah dengan cara meningkatkan interaksi dengan pelajar dan waris serta mendapat maklum balas daripada pihak-pihak guru dan pelajar. Penghayatan nilai-nilai agama pula sepatutnya bukan sahaja ditugaskan kepada guru-guru

Pendidikan Islam atau Moral, tetapi hendaklah dipraktikkan oleh semua pihak di sekolah-sekolah.

Para waris pula mesti diajak berbincang dan berkerjasama dengan pihak sekolah supaya mereka tahu apa yang sedang dilakukan oleh pihak sekolah untuk anak-anak mereka. Kerjasama erat akan dapat memberi kefahaman seterusnya menghilangkan kesangsian dan kegusaran pihak waris terhadap pihak sekolah apabila tindakan disiplin tertentu diambil terhadap anak-anak mereka.

Wallahu a'lam.

## BIBLIOGRAFI

**Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru.**  
(1988) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Butler, Jocelyn A. (1994). **Consistent Discipline:Centennial High School.** In *SIRS. 1-7.* [Online]. Available: [www.nwrel.org/scpd/sirs/2/snap6.html](http://www.nwrel.org/scpd/sirs/2/snap6.html) [6 May 199 ]

Cotton, Kathleen. (1990): **Schoolwide and Classroom Discipline.** In *SIRS. 1-25.* [Online]. Available: [www.nwrel.org/scpd/sirs/5/cu9.html](http://www.nwrel.org/scpd/sirs/5/cu9.html) [2 May 1999].

**Encyclopedia of Educational Administration, vol.3: School Administration.**  
(1993). Edited by S.R. Vashist, Anmol Publications Pt. Ltd., New Delhi.

Evers, Colin W. and Lakomski, Gabriele. (1996). **Exploring Educational Administration: coherentist applications and critical debates,** Elsevier Science Ltd., Oxford.

Gaustad, Joan. (1999). **Schools Attack The Root Of Violence.** In *ERIC Clearinghouse.1-4.* [Online]. Available: [ericae.net/ericdb/ED335806.html](http://ericae.net/ericdb/ED335806.html) [2 May 1999].

Ghazalli Othman(1983). **Beberapa strategi kawalan disiplin dalam dua buah sekolah menengah di negeri Selangor/GhazaIli bin Othman.-Thesis**  
(M.Ed.) - Universiti  
Malaya.

Jenkins, Patricia H. (1995). **School Delinquency and School Commitment.**  
*Sociology of Education.* 68: 221-239. Temple University.

Kamarudin Haji Kachar. (1989). **Strategi Pentadbiran Pendidikan**, Teks Publishing Sdn. Bhd. , Kuala Lumpur.

**Laporan Seminar Kebangsaan Mengenai Disiplin Di Sekolah-Sekolah** (1978). Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Laporan Seminar Disiplin Sekolah-Sekolah** (1980). Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Laporan Disiplin Pelajar Sekolah** (1991). Unit Disiplin, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lee Lam Thye (1996). **Catatan Aktivistis**, Utusan Malaysia: 29 September 1996.

Leedy, Paul D. (1997). **Practical Research- Planning and Design**, 6<sup>th</sup>. Edition, Prentice Hall, New Jersey.

Loh Koh Cheang. (1995). Pengurusan Disiplin dan Tingkahlaku Pelajar di Sekolah Menengah: Pembentukan Dasar Tingkah Laku Pelajar. **Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** 39(82): 1-9

Muhammad Amir Safarbachar Y.M. Shariff. (1995). **Peranan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Di Sekolah Menengah**/ Muhammad Amir Safarbachar Bin Y.M. Shariff.-Thesis (M.Ed)- Universiti Kebangsaan Malaysia. xvii,127p.

Nur Aishah Ismail. (1997). **Ruangan Pendidikan**, Utusan Malaysia: 28 Februari 1997.

Olsen, Nancy. (1997). "Frequent Monitoring and Student Recognition: Whiteman Elementary School". In *SIRS*. 1-8. [Online] Available : [www.nwrel.org/scpd/sirs/5/snap18.html](http://www.nwrel.org/scpd/sirs/5/snap18.html) [2 May 1999]

**Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah.** (1981). Kementerian Pelajaran Malaysia, Percetakan Adabi, Kuala Lumpur.

Rohaty Mohd. Majzub et al. (1991). **Disiplin Dalam Pendidikan,** Nurin Enterprise, Kuala Lumpur.

Sakinah Ishak. (1991). **Kawalan disiplin yang berkesan di Sekolah Menengah Datuk Haji Abdul Kadir, Kepala Batas Seberang Perai, Pulau Pinang. Satu kajian kes/Sakinah Ishak.-B.Sc.(Ed)-Bangi,** Universiti Kebangsaan Malaysia,. ix, 103p.

Siva Subramaniam, N. (1997) **Ruangan Pendidikan,** Utusan Malaysia: 23 Ogos 1997.

Uma, Sekaran. (1992). **Research Methods For Business : A Skill Building Approach, 2<sup>nd</sup>. Edition,** John Wiley and Sons, Canada.

Waegel, William B. (1989). **Delinquency And Juvenile Control- a sociological perspective,** Prentice Hall, New Jersey.

Zalina Yahaya. (1995). **Ruangan Pendidikan,** Utusan Malaysia: 29 September 1995.

**GARIS PANDUAN YANG DIKELUARKAN OLEH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**1. Ordinan Pelajaran**

1.1 Education (School Discipline) Regulations 1959

**2. Buku-buku Panduan**

2.1 Kementerian Pelajaran Malaysia, *Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah*, Percetakan Adabi, Kuala Lumpur, 1981.

2.2 Kementerian Pelajaran Malaysia, *Panduan Bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Murid-murid Sekolah*, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

2.3 Kementerian Pelajaran Malaysia, *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru*, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan Kedua 1988.

2.4 Unit Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran, *Mencegah Salah Guna Dadah Melalui Kaunseling*, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

**3. Surat-surat Pekeliling Ikhtisas**

3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/68 Pembuangan Murid-murid Daripada Sekolah-sekolah Kerana Kelakuan Curang, bertarikh 10hb. September 1968.

3.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/68 Tatatertib di Sekolah-sekolah Sekolah-sekolah, bertarikh 18hb. September 1968.

3.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/68 dan 8/68 – Tambahan kepada Surat Pekeliling “Profesional” Kementerian Pelajaran (Gantung Persekolahan), bertarikh 12hb. Oktober 1968.

3.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1972 Peraturan-peraturan (Tatatertib Sekolah) Pelajaran, 1959 bertarikh 4hb. Februari 1972.

3.5 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6A/1975 Disiplin: Murid-murid Menghisap Rokok, bertarikh 5hb. September 1975.

- 3.6 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1975 Salahguna Dadah:Garis panduan Untuk Guru-guru dan Guru Besar, bertarikh 19hb. Ogos 1975.
- 3.7 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975 Disiplin Di Sekolah:Peraturan-peraturan Sekolah Untuk Murid-murid, bertarikh 5hb. September 1975.
- 3.8 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976 Potongan Rambut Murid-murid, bertarikh 7hb. Januari 1976.
- 3.9 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/1976 Mengharamkan Semua Jenis Permainan Judi Di Sekolah, bertarikh 9hb. Oktober 1976.
- 3.10 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1977 Pengelolaan Walkathon Di Sekolah-sekolah, bertarikh 27hb. September 1977.
- 3.11 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1977 Menganjur Dan Menjual Loteri Di Sekolah-sekolah, bertarikh 3hb. Oktober 1977.
- 3.12 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1978 Acara Suaikenal Di Sekolah-sekolah, bertarikh 2hb. Mei 1978.
- 3.13 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1979 Laporan Murid-murid dalam Keadaan Risiko Penyalahgunaan Dadah Yang Memerlukan Pertolongan, bertarikh 26hb. Mac 1979.
- 3.14 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1982 Permainan 'Pin-Table, Video Game, Game Watch', bertarikh 1hb. Oktober 1982.
- 3.15 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1983 Garis Panduan Kempen Anti-Merokok Di Sekolah-sekolah, bertarikh 25hb. Februari 1983.
- 3.16 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1983 Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah, bertarikh 9hb. Mac 1983.
- 3.17 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1983 Larangan Bermain Bahan-bahan Letupan, bertarikh 23hb. April 1983.
- 3.18 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1983 Garis Panduan Menegnai Kutipan Derma Melibatkan Murid-murid Sekolah, bertarikh 11hb. April 1983.
- 3.19 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1983 Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid Yang Melakukan Perbuatan-perbuatan Salahlaku Yang Tidak



Dinyatakan Dalam Peraturan-peraturan Pelajaran, bertarikh 7hb. November 1983.

3.20 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1984 Perhimpunan Sekolah, bertarikh 14hb. Jun, 1984.

3.21 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1984 Tambahan Kepada Surat Pekeliling Iktisas Bil 4/1984, Perhimpunan Sekolah, bertarikh 10hb. September, 1984.

3.22 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1985 Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah (Pindaan), bertarikh 12hb. November, 1985.

#### **4. Surat-surat Siaran**

4.1 K.P. 8613/Jilid 7/ (63), Peraturan-peraturan Asrama Sekolah, bertarikh 10hb. Jun, 1974.

4.2 K.P. 8609/1/(72), Ceramah, Syarahan, Pertandingan Kuiz Untuk Murid-murid Di Sekolah Menengah dan Penuntut-penuntut di Maktab Perguruan, bertarikh 6hb. Mac 1975.

4.3 K.P. (BS) 8543/Vol.2 (55) Penyertaan Pertandingan Ratu Cantik Bagi Murid-murid Sekolah Menengah Bantuan Penuh Kerajaan, bertarikh 14hb. Oktober, 1975.

4.4 K.P. (BS) 8591/(91), Murid-murid Sekolah Dalam Perbarisan/Sambutan Kedatangan Pemimpin-pemimpin dan Orang-orang Kenamaan Ke Tempat Masing-masing, bertarikh 26hb. Mac, 1982

4.5 K.P. (BS) 8591/Jilid II/(11), Acara Suaikenal Di Sekolah-sekolah bertarikh 2hb. Jun, 1983.

4.6 K.P. (BS) 8591/Jld. II/(28) Skor Lagu Malaysia Berjaya, bertarikh 21hb. November 1984.

**Mengenalpasti apakah garis panduan yang digunakan oleh institusi pendidikan (sekolah- sekolah) bagi tujuan kawalan gelagat (disiplin) individu dalam institusi terbabit terutamanya dari aspek bentuk hukuman yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan tertentu.**

Soalan: *Mengenalpasti apakah garis panduan yang digunakan ...*

1. Bolehkah tuan/puan berikan nama sumber-sumber rujukan yang digunakan bagi mengambil tindakan disiplin terhadap pelajar di sekolah tuan/puan.
  - a.
  - b.
  - c.
  - d.
  
2. Berapakah (*bilangan*) sumber rujukan yang selalu digunakan oleh pihak sekolah tuan/puan ketika mengambil keputusan samaada hendak mengenakan tindakan disiplin atau tidak terhadap pelajar ? .....buah  
( iaitu - a , b , c , d )

Soalan: *dari aspek bentuk hukuman yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan tertentu.*

3. Sumber rujukan manakah yang pihak sekolah tuan/puan gunakan sebagai garis panduan bagi mengambil ***hukuman*** terhadap kesalahan disiplin yang dilakukan oleh pelajar?
  - a.
  - b.
  - c.

P e n g e t u a
-----------------

**Mengenalpasti jenis salah laku disiplin yang menyebabkan budi bicara pihak pengurus/pentadbir sekolah (Pengetua) paling banyak digunakan (yang juga boleh menimbulkan kontroversi).**

Soalan :

1. Adakah tuan/puan dapati budi bicara perlu digunakan ketika mengambil tindakan disiplin terhadap pelajar? 

Ya / Tidak
------------
  
2. Apakah jenis kesalahan yang tuan/puan rasakan perlu digunakan budi bicara Pengetua?
  
3. Mengapakah budi bicara digunakan dalam situasi-situasi tersebut?
  
4. Pernahkah berlaku situasi di mana tindakan disiplin ataupun tiadanya tindakan disiplin yang diambil menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan
  - a- pihak waris pelajar ? 

Ya / Tidak
------------

Contoh situasi:

b- pihak guru sekolah ?  Ya /  Tidak


Contoh situasi:

c- pihak pengawas sekolah ?  Ya /  Tidak

Contoh situasi:

d- pihak pelajar-pelajar lain?

Contoh situasi:



P e n g e t u a

**Membincangkan amalan penurunan kuasa seperti yang diamalkan di institusi-  
institusi pendidikan untuk mendapat gambaran jelas tentang tatacara yang  
digunakan.**

Soalan :

1. Pernahkah kuasa menjalankan hukuman disiplin diturunkan kepada

- a- Penolong Kanan I
- b- Penolong Kanan HEM
- c- Guru Disiplin
- d- Kaunselor
- e- Pengawas
- f- Rakan pelajar ( peer action )

2. Adakah penurunan kuasa tersebut diberikan secara lisan atau secara bertulis?

Lisan / Tulis

3. Pada situasi manakah penurunan kuasa menjalankan hukuman disiplin diturunkan kepada

- a- Penolong Kanan I

Contoh situasi :

- b- Penolong Kanan HEM

Contoh situasi :

c- Guru Disiplin

Contoh situasi :

d- Kaunselor

Contoh situasi :

e- Pengawas

f- Rakan sebaya

Contoh situasi :

Contoh situasi :

---

Pengetua/ PKHEM
-----------------

**Membincangkan tatacara peraturan disiplin seperti yang diamalkan di institusi-institusi terbabit dan membandingkan tatacara yang diamalkan dengan jumlah kes salah laku disiplin yang lakukan oleh individu (pelajar) di institusi terbabit.**

Soalan :

1. Adakah terdapat program orientasi bagi
  - a- pelajar-pelajar yang baru mendaftar di sekolah tuan/puan setiap awal tahun? 




    - 1.1 Adakah sesi penerangan tentang peraturan sekolah dan hukuman disiplin dimasukkan ke dalam program orientasi pelajar yang diadakan?
  - b- Adakah terdapat program orientasi bagi guru-guru yang baru bertukar ke sekolah tuan/puan? 




    - 1.2 Adakah sesi penerangan tentang peraturan sekolah dan hukuman disiplin dimasukkan ke dalam program orientasi guru yang diadakan ?
  
2. Adakah sesi penerangan semula / peringatan tentang peraturan sekolah dan hukuman disiplin diberikan kepada:
  - a. guru- guru yang sedia ada dalam senarai perkhidmatan di sekolah tuan/puan? 




    - 2.1 Berapa kalikah dalam setahun sesi penerangan semula / peringatan ini diberikan kepada guru? \_\_\_\_\_ kali
    - 2.2 Bagaimanakah sesi tersebut dijalankan ?
  
  - b. Adakah sesi penerangan semula / peringatan tentang peraturan sekolah dan hukuman disiplin diberikan kepada pelajar-pelajar yang sedia ada dalam daftar sekolah ? 




    - 2.3 Berapa kalikah dalam setahun sesi penerangan semula / peringatan ini diberikan kepada pelajar? \_\_\_\_\_ Kali
    - 2.4 Bagaimanakah sesi tersebut dijalankan ?

Pengetua / PKHEM

3. Pada pandangan tuan/puan, adakah peraturan-peraturan kelas yang ditentukan oleh pelajar sendiri akan lebih mudah ditaati oleh pelajar-pelajar berbanding peraturan sekolah?
4. Adakah peraturan-peraturan kelas diwujudkan di sekolah tuan/puan?
- 4.1 Adakah semua kelas mempunyai peraturan kelas?
- 4.2 Pada pandangan tuan/puan, adakah peraturan-peraturan kelas tersebut telah berupaya mengurangkan masalah disiplin dalam kelas-kelas yang berkenaan?
5. Dalam menangani isu disiplin, adakah panduan-panduan yang diberikan oleh
- a- pihak Kementerian ( i.e pekeliling, Akta Pendidikan ) dari semasa ke semasa banyak membantu pihak sekolah?
- b- JPN ( i.e pekeliling / kertas kerja ) dari semasa ke semasa banyak membantu pihak sekolah?
- c- PPD ( i.e pekeliling / kertas kerja ) dari semasa ke semasa banyak membantu pihak sekolah?

*Maklumat tentang statistik kesalahan disiplin akan cuba diperolehi daripada rekod disiplin pelajar –*



P e n g e t u a
-----------------

**Untuk dapatkan pandangan para pengetua tentang satu cara menangani masalah disiplin yang melibatkan pihak berwajib tanpa menambah bebanan guru, soalan berikut ingin dikemukakan:**

1. Adakah tuan/puan setuju sekiranya pihak luar ( seperti polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, waris-waris pelajar, Jabatan Belia dan Sukan dsb) ingin membantu mengawal disiplin di sekolah -

Ya / Tidak
------------

*(sebagai contoh, menghantar seorang kakitangan polis dari semasa ke semasa untuk meronda atau memberi 'ceramah' dalam aspek kepatuhan kepada undang-undang?)*

2. Bolehkah tuan/puan berikan pandangan mengapa tuan/puan bersetuju/ tidak bersetuju?
3. Akhir sekali, hasil daripada pengalaman tuan/puan, apakah cadangan tuan/puan bagi membantu mengawal gelagat/disiplin pelajar-pelajar di sekolah-sekolah?



## UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM, Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel : 04 - 9241801 - 8 Cable : UTAMAS Telex : MA 42052 Fax/DL : 04 - 7005767

*Sekolah Siswazah*

UUM/SS/T-13/1

26 Julai 1999

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Adalah disahkan bahawa Noor Hayati bt. Abdullah, no. matrik 80945 adalah pelajar siswazah program Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB di Universiti ini.

Beliau perlu mengutip serta mengumpul data/maklumat daripada berbagai sumber yang telah dikenalpasti untuk membolehkan beliau memenuhi keperluan penyediaan Kertas Projek.

Sehubungan itu, kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama dan bantuan kepada beliau dalam usaha tersebut. Segala maklumat yang diperolehi daripada soal-selidik ini akan DIRAHSIAKAN.

(PADMINI PILLAI)

b.p. Dekan  
Sekolah Siswazah

s.k. Fail Pelajar

1-11/99/E/11



Ruj. Kami : JPK(PPPS) 03-12/9 Jld.5 ( 60 )  
Tarikh : 11 September, 1999



Puan Norhayati binti Abdullah,  
4014, Taman Bayu,  
Jalan Sultanah,  
05350 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman.

Tuan,

**KEBENARAN BAGI MENJALANKAN KAJIAN  
KE SEKOLAH-SEKOLAH JABATAN-JABATAN DAN  
INSTITUSI-INSTITUSI DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Adalah saya diarah merujuk kepada tuan bertarikh 7 September, 1999 serta surat Kementerian Pendidikan Malaysia Ruj. KP (BPPDP) 13/15 Jld.50 (533) bertarikh 16 Ogos, 1999 mengenai perkara di atas.

2. Sehubungan ini, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman membenarkan tuan menjalankan kajian tersebut merujuk kepada para 2 surat kementerian, di institusi-institusi berikut :-

I. Semua Sekolah Menengah sekitar Bandar Alor Setar

3. Kebenaran ini tertakluk kepada persetujuan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan dan adalah sah sehingga 31 Disember, 1999 sahaja.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

**'PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH GEMILANG'**

Saya yang menurut perintah,

( AMERRUDDIN BIN ABD. HAMID, PPN. )  
Ketua Penolong Pengarah,  
Unit Perhubungan, Pendaftaran dan Pendidikan Swasta  
Sektor Pengurusan Sekolah  
b.p. Pengarah Pendidikan Kedah Darul Aman.

s.k.

1. Pegawai Pendidikan Daerah Kota Setar.

AAH/sb



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN  
DASAR PENDIDIKAN (BPPDP),  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
PARAS 2,3 & 5, BLOK J  
PUSAT BANDAR DAMANSARA,  
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2583204  
Faks : 03-2554960

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.50 (533)  
Tarikh : 16 Ogos 1999

Pn. Noor Hayati bt. Abdullah,  
4014, Taman Bayu, Jln. Sultanah,  
05350 Alor Setar,  
KEDAH.

Puan,

Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab  
Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan puan  
untuk menjalankan kajian bertajuk:

“Pelaksanaan Sistem Kawalan Gelagat Di Institusi  
Pendidikan Dalam Bandar Alor Setar”

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan  
penyelidikan yang puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi  
menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah  
Pendidikan negeri yang berkenaan. Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah  
laporan kajian puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan puan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DR. AMIR BIN MOHD SALLEH)  
b.p. Pengarah,  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.